

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Sesungguhnya, Islam adalah agama Allah yang benar, hidup, nyata, universal dan mampu mengatur segala masalah kehidupan dengan seimbang. Penghayatan terhadap ajaran-ajarannya akan dapat melahirkan individu Islam yang berperibadi unggul. Ini termasuklah memiliki sifat-sifat mulia yang sebahagian daripadanya diasaskan oleh sifat malu. Malu merupakan sebahagian daripada iman. Rasa malu dan iman, ibarat dua perkara yang dihubungkan menjadi satu garis. Jika salah satu di antaranya hilang, maka yang satu lagi itu pun akan ikut sama. Manusia pemalu adalah mereka yang memenuhi ciri-ciri individu Islam yang sebenarnya, iaitu mematuhi kehendak Al-Quran dan Sunnah. Rasa malu terbahagi kepada dua bahagian, iaitu rasa malu terhadap Allah dan rasa malu terhadap manusia. Rasa malu terhadap Allah dicetuskan oleh kesedaran bahawa Allah sentiasa mengetahui perbuatan hambanya walau di mana sahaja. Manakala,

rasa malu terhadap manusia merujuk kepada perbuatan seseorang itu yang meninggalkan perbuatan kurang terpuji hanya kerana rasa takut dilihat oleh orang lain. Sesungguhnya, kesempurnaan hidup manusia adalah apabila dia memiliki rasa malu terhadap Allah berbanding rasa malu terhadap manusia. Dalam Bab 4 ini, analisis akan dijalankan untuk mengenal pasti adakah perasaan malu dalam jiwa orang Melayu itu disebabkan rasa malunya terhadap Allah atau ia sebenarnya lahir daripada rasa malunya terhadap manusia.

4.1 Analisis Peristiwa-Peristiwa Malu

Kajian mendapati terdapat 37 peristiwa malu dalam novel SAGA yang mengandungi konsep malu orang Melayu. Peristiwa-peristiwa itu kemudiannya telah dianalisis mengikut metodologi kajian seperti mana yang dihuraikan dalam Bab 3. Berikut adalah peristiwa-peristiwa malu yang telah dianalisis.

4.1.1 Peristiwa 1

“Kau tak kenal dia Mat?” tanya Pak Ngah Lasim kepada Rahmat. Rahmat terpinga memikirkan. “Ha, Seman anak Utih Latih!”
“O!” Rahmat memecahkan keraguannya. “Eh... eh... sumpah aku tak kenal kau, Man... Kau diam aja buat apa?”
“Aku *segan*lah... Maklumlah... Takut aku nak mengaku kawan sebelum kau sendiri mengakunya. *Malu*lah aku,” ikhlas dan lembut suaranya, tetapi tajam menikam.
“Kau ni Man!”
“Sudahlah, kalau nak mudik mari lekas. Nanti tak sempat pula aku nak hilir semula. Ucu Saat tu kemereng sedikit,” kata Seman. Dia sudah bergerak menghampiri barang-barang kami.

(*m.s.*

13)

Peristiwa 1 bermula apabila Rahmat, Hisyam dan Munirah yang baru tiba di perhentian Gemas terjumpa dengan Pak Ngah Lasim, iaitu saudara kepada emak Rahmat. Pertemuan itu menggembirakan Rahmat memandangkan dia telah lama tidak bertemu dengan Pak Ngahnya itu. Turut bersama Pak Ngahnya ialah Seman yang merupakan teman sepermainan Rahmat semasa kecil. Pada mulanya, Rahmat tidak menyedari Seman, namun apabila Pak Ngah Lasim memperkenalkan mereka, barulah Rahmat mengingatnya. Sebenarnya, Rahmat telah lama tidak berjumpa Seman dan mendapati banyak perkara yang sudah berubah sehingga dia hampir tidak mengenali sahabatnya itu.

Dalam konteks kajian, sifat segan dan malu jelas ditunjukkan melalui sikap dan perwatakan Seman yang telah lama tidak bersua muka dengan Rahmat. Seman berterus terang mengakui bahawa dia sebenarnya merasa segan untuk menyapa Rahmat yang baru sahaja tiba di kampung. Ini kerana, Seman merasa rendah diri kerana dia hanyalah pemuda kampung yang serba kekurangan berbanding Rahmat yang berpelajaran tinggi. Tambahan pula, Rahmat merupakan pelajar terpilih yang berjaya menyambung pengajian di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pada masa yang sama, Seman bimbang jika Rahmat tidak membalas sapaannya. Akhirnya dia juga yang akan mendapat malu. Ini dapat diperhatikan melalui kata-kata Seman, *“Takut aku nak mengaku kawan sebelum kau sendiri mengakuinya. Malulah aku,”*. Oleh itu, Seman membuat keputusan untuk mendiamkan diri sehinggalah Pak Ngah Lasim memperkenalkannya kepada Rahmat. Sementara itu, kenyataan Rahmat, *“Eh... eh... sumpah aku tak kenal*

kau, Man... Kau diam aja buat apa?" jelas menunjukkan bahawa Rahmat tidak pernah melupakan Seman, meskipun dia telah lama tidak berjumpa dengan sahabatnya itu. Walau bagaimanapun, perbualan antara Rahmat dan Seman ini jelas menunjukkan bahawa mereka pernah akrab suatu ketika dahulu.

4.1.1.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Berbentuk sapaan dan perbualan. Ia memaparkan pertemuan semula di antara Rahmat, Pak Ngah Lasim dan Seman. Perbualan di antara ketiga-tiga mereka didapati agak mesra, bersifat tidak formal dan terbuka. Ini disebabkan ketiga-tiga mereka sudah lama mengenali antara satu sama lain. Malah, Rahmat dan Pak Ngah Lasim juga mempunyai hubungan persaudaraan.

Latar

Aspek latar terdiri daripada latar tempat dan latar masa. Peristiwa komunikasi berlaku berdekatan dengan sungai seperti mana yang dinyatakan oleh Seman, *"Sudahlah, kalau nak mudik mari lekas. Nanti tak sempat pula aku nak hilir semula. Ucu Saat tu kemereng sedikit."* Selain itu, aspek masa turut diberikan perhatian oleh orang Melayu, terutamanya apabila melibatkan waktu perjalanan. Dalam peristiwa 1 dinyatakan, Seman ingin menggerakkan perahunya dengan cepat supaya tidak terlewat ke hilir. Ini kerana dia ingin memulangkan semula perahu Ucu Saat yang akan bertolak balik pada waktu petang. Walaupun waktu perjalanannya tidak dinyatakan dengan jelas, namun ia menggambarkan sikap

orang Melayu yang tidak suka melengah-lengahkan masa terutamanya jika ia melibatkan 'janji'. Kepatuhan terhadap aspek masa membuktikan sikap orang Melayu yang berusaha menepati masa demi menjaga hubungan baik sesama anggota masyarakat.

Peraturan berinteraksi

Pengaruh, kuasa dan pendidikan boleh mempengaruhi peristiwa komunikasi. Dalam konteks kajian, Rahmat merupakan seorang pemuda yang berkelulusan tinggi dari bandar. Oleh itu, beliau dipandang mulia oleh orang lain termasuklah Seman. Pada mulanya, Seman merasa malu untuk menegur Rahmat kerana menganggap dirinya tidak setaraf dengan Rahmat. Dalam peristiwa 1, Seman menyatakan, *"Aku seganlah... Maklumlah... Takut aku nak mengaku kawan sebelum kau sendiri mengakunya. Malulah aku."* Fenomena ini biasa berlaku dalam kalangan orang Melayu yang sememangnya suka merendah diri dan memandang tinggi terhadap orang lain. Oleh yang demikian, Rahmat terpaksa menjelaskan situasi sebenar seperti mana yang dinyatakan, *"Eh... eh... sumpah aku tak kenal kau, Man... Kau diam aja buat apa?"*. Perkataan "sumpah" yang diucapkan Rahmat bertujuan untuk menjelaskan keadaan yang sebenar. Dalam Islam, perkataan "sumpah" tidak boleh dilafazkan dengan sewenang-wenangnya kerana ia mempunyai mempunyai kuasanya yang tersendiri. Secara prinsipnya, "bersumpah" membawa maksud bahawa seseorang itu telah bercakap benar dan dia akan dilaknati Allah jika berbohong.

Selain itu, penggunaan kata ganti nama 'aku' dan 'kau' dalam peristiwa 1 menunjukkan penggunaan sistem panggilan dalam masyarakat Melayu. Dalam konteks kajian, penggunaan kata ganti nama 'aku' dan 'kau', menandakan kuasa yang lebih kurang sama antara si penyapa dengan orang yang disapa. Oleh yang demikian, tidak ada sekatan dalam perbualan sekali gus menjadikan kedua-dua pihak lebih mesra dan selesa untuk berbicara. Dalam konteks kajian, Rahmat dan Seman juga didapati menggunakan kata ganti nama 'aku' dan 'kau'. Hal ini mungkin disebabkan kedua-duanya pernah mempunyai hubungan yang akrab semenjak dari kecil lagi.

4.1.1.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Subkonsep malu dalam peristiwa 1 dikategorikan kepada 'rasa malu'. Dalam konteks kajian, rasa malu dicituskan oleh watak Seman yang merasa rendah diri dan segan apabila bertemu dengan sahabat lamanya, Rahmat. Seman merasakan dirinya jauh ketinggalan dan tidak setaraf jika dibandingkan dengan Rahmat. Perasaan segan ini memunculkan pula perasaan malu untuk menegur Rahmat kerana bimbang tidak mendapat reaksi yang positif. Berikutan itu, Seman bersikap mendiamkan diri. Namun, Seman tetap berharap Rahmat masih mengenalinya dan akan menegurnya. Situasi ini menggambarkan perasaan rendah diri Seman yang keterlaluan sehingga malu untuk menegur sahabat sendiri. Selain itu, Seman juga tidak mempunyai keyakinan diri terhadap kemampuannya dan memandang rendah terhadap diri sendiri. Sikap Seman ini berkait rapat dengan

konsep “rendah diri” dalam budaya Melayu dan anggapan bahawa orang lain lebih baik atau pandai berbanding diri sendiri (Mohammad Fadzeli Jaafar, 1998:68). Walau bagaimanapun, perasaan malu itu hilang sedikit demi sedikit apabila Rahmat menunjukkan kemesraannya.

4.1.1.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Gaya pengurusan air muka dalam peristiwa 1 dikategorikan sebagai ‘tuntutan air muka’. Dalam konteks kajian, Seman berusaha untuk mempertahankan dan melindungi keperluan air mukanya. Kaedahnya, ialah dengan cara mendiamkan diri seolah-olah dia tidak mengenali Rahmat. Sebaliknya, Seman mengharapkan Rahmat menegurnya dahulu. Hakikatnya, Seman bimbang air mukanya akan terjejas jika dia menegur Rahmat tetapi tidak mendapat balasan yang positif. Tingkah laku Seman ini secara tidak langsung menggambarkan dirinya seorang yang berprinsip dan tegas mempertahankan air mukanya. Baginya, ‘air muka’ adalah lambang kehormatannya yang perlu dijaga walaupun dia hanyalah seorang pemuda kampung.

Gaya Pengurusan Konflik

Mengelak

Seman bukan sahaja dihambat perasaan malu malah turut mengalami konflik dalaman. Perasaan Seman pada ketika itu bercampur baur. Dia merasa segan, malu dan rendah diri apabila membandingkan dirinya dengan Rahmat. Walau bagaimanapun, Seman berusaha mengatasi tekanan dan konflik dalam dirinya. Gaya pengurusan konflik yang dipilih ialah dengan ‘mengelak’. Hal ini dapat diperhatikan apabila Seman cuba mengelak daripada menegur Rahmat. Dengan kata lain, dia berpura-pura tidak mengenali Rahmat. Hal ini menggambarkan peribadi Seman yang berusaha melindungi keperluan air muka sendiri berbanding air muka orang lain. Namun, tindakan Seman ini tidak mengguris perasaan sesiapa. Malah, ia menggambarkan sebahagian daripada budaya orang Melayu dalam berinteraksi. Dalam masyarakat Melayu, status atau taraf memainkan peranan penting. Jika orang yang berstatus menegur orang yang kurang status, maka ia dianggap satu penghormatan kepada orang yang kurang status itu. Sebaliknya, jika orang yang kurang status menegur orang yang berstatus tetapi mendapat reaksi yang negatif, maka ia akan mengaibkan air muka orang yang memulakan interaksi itu.

4.1.2 Peristiwa 2

Aku sungguh seronok ketika itu. Lupa segala-galanya. Seolah-olah kami ketika itu sedang bertemasya berkelah di tepi air. Pasir yang menguning terbentang indah dan permai. Kelihatan anak-anak ikan bermain-main di gigi air. Naluri keanakanku, melupakan hakikatku ketika itu. Aku cuba bermain menangkap anak-anak ikan itu.

“Kalau nak jadi nelayan, tinggallah, ” sergah Rahmat. Rupa-rupanya perahu sudah melungsur di air yang dalam. Aku berkejar sambil ketawa kecil. Separuh sebelah bawah seluarku basah dipercik air. Aku *tersipu-sipu* memandang Manaf

dan Seman yang tersenyum memandangkanku.

(*m.s.19*)

Peristiwa 2 menggambarkan kegembiraan dan keseronokan Munirah yang sedang menikmati keindahan alam ciptaan Tuhan. Kehidupan di desa yang masih terpelihara keasliannya membuatkan Munirah lupa pada cabaran yang bakal dihadapinya di kampung nanti. Sebaliknya, dia begitu asyik bermain dan menangkap anak-anak ikan tanpa menyedari bahawa perlakuannya itu sedang diperhatikan oleh suaminya Rahmat, Manaf dan Seman. Walau bagaimanapun, sergahan Rahmat telah menyedarkan Munirah. Dalam konteks kajian, Munirah dikatakan ‘tersipu-sipu’ apabila menyedari gelagatnya itu sedang diperhatikan oleh Manaf dan Seman yang baru sahaja dikenalnya.

4.1.2.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Peristiwa 2 berbentuk cerita lucu. Dalam hal ini, tingkah laku Munirah yang seperti keanak-anakan dan cuba menangkap anak-anak ikan itu telah membuatkan dia kelihatan lucu di mata Manaf dan Seman.

Latar

Peristiwa berlatarkan alam semula jadi, iaitu di gigi air sungai.

Bentuk Mesej

Pergerakan dan tingkah laku tanpa suara yang ditunjukkan oleh Munirah menggambarkan emosi gembira yang sedang dinikmatinya pada ketika itu.

Misalnya, cubaan Munirah untuk menangkap anak-anak ikan yang sedang bermain di gigi air secara tidak langsung memberikan mesej bahawa dia sangat mengagumi alam semula jadi ciptaan Tuhan.

Norma Interpretasi

Dialog yang berbunyi, *“kalau nak jadi nelayan, tinggallah”*, mengandungi maksud tersirat dan unsur sindiran. Sikap Munirah yang asyik bermain di gigi air, diibaratkan Rahmat seperti nelayan yang setia dengan lautnya. Pada dasarnya, Rahmat hendak memberitahu Munirah bahawa perahu yang mereka naiki sudah pun melungsur di air yang dalam. Oleh itu, Munirah harus segera menaiki perahu tersebut. Pada masa yang sama, Rahmat menyindir sikap dan tingkah laku Munirah yang tak ubah seperti kanak-kanak, iaitu suka bermain dengan air.

4.1.2.2 **Subkonsep Malu**

Rasa Malu

Suasana desa yang indah dan permai telah membuatkan Munirah merasa sungguh seronok dan lupa tentang segala-galanya. Namun, sergahan Rahmat telah menyedarkan Munirah bahawa perahu yang mereka naiki sudah pun melungsur di air yang dalam. Peristiwa itu membuatkan Munirah merasa malu terhadap Manaf dan Seman, apatah lagi mereka telah menyaksikan tingkah lakunya sebelum itu. Dalam konteks kajian, perasaan malu timbul apabila Munirah sedar bahawa dia telah bersikap keanak-anakan sedangkan dirinya sudah pun berkahwin. Seharusnya, dia mempamerkan sikap yang lebih matang sesuai dengan usia dan

statusnya. Walau bagaimanapun, kelakuan Munirah itu mungkin dipengaruhi oleh kehidupannya di bandar yang sibuk dengan pembangunan dan kemodenan. Apatah lagi, budaya Barat yang diwarisinya sebelum ini memberikan kebebasan dalam bertingkah laku. Oleh itu, tidak hairanlah jika Munirah begitu gembira dan teruja apabila berpeluang menikmati keindahan isi alam yang masih terpelihara keasliannya.

4.1.2.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Kata-kata yang diucapkan oleh Rahmat, iaitu “*kalau nak jadi nelayan, tinggallah,*” tidak memunculkan emosi negatif dalam diri Munirah. Justeru, air muka Munirah tidak terjejas dan gaya pengurusan air muka juga tidak dapat diperhatikan. Apa yang berlaku, Munirah sekadar merasa malu apabila menyedari tingkah lakunya yang keanak-anakan itu telah diperhatikan oleh orang lain.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.3 Peristiwa 3

“Assalamualaikum, ayah,” salam Rahmat.

“Walaikumsalam,” balas orang tua itu.

Mereka bersalaman mesra.

Ayah? Ayah mentuaku? Amboi *segannya* aku.

Bagaimanakah caranya untukku menghormatinya? Masakan aku berbuat seperti

adat orang-orang Barat. Adat kedua ibu bapak. Bagaimanakah caranya untukku menghormatinya? Masakan aku berbuat seperti adat orang-orang Barat. Adat kedua ibu bapak. Ya Allah, berikanlah aku petunjuk. Rahmat, tolonglah bisikkan satu cara yang paling baik!

“Ini isteri saya ayah. Munirah,” tiba-tiba sahaja “Munirah” menikam hatiku. Masakan Munirah tak tahu adat sopan. Tiba-tiba sahaja aku mendapat ilham. Bersalaman dan ciumlah tangannya. Ya!

“Apa khabar ayah?” entah ia entah tidak aku berkata begitu, aku pun tidak menyedarinya. Tetapi aku rasakan pipiku dingin oleh aliran air mata berlinang. Mengapa aku menangis? Terharu? Menyesal? Entah.

(m.s.20)

Peristiwa 3 mempertemukan Munirah dengan ayah mentuanya, iaitu Pak Utih Rahman. Pertemuan kali pertama itu membuatkan Munirah merasa malu dan serba tidak kena. Kerisauan Munirah jelas tergambar melalui luahan hatinya, *“Ya Allah, berikanlah aku petunjuk. Rahmat, tolonglah bisikkan satu cara yang paling baik!”*. Munirah berusaha mempamerkan tutur kata dan tingkah laku yang terbaik ketika berhadapan dengan ayah mentuanya. Namun, dia tetap bimbang jika ada di antara perbuatannya yang tidak menepati budaya Melayu. Munirah tidak mahu dilabelkan sebagai wanita yang tidak tahu adat dan sopan. Darah kacukan Peringgi-India-China-Malaysia yang mengalir dalam tubuhnya bukanlah penghalang untuk dia menyesuaikan diri dengan orang Melayu. Dalam kekalutan itu, Munirah kemudiannya menghulurkan tangan dan bersalaman dengan ayah mentuanya. Tindakan Munirah itu memang tepat kerana perbuatan menghulurkan salam sememangnya dituntut oleh Islam, apatah lagi dalam kalangan anggota keluarga. Selain itu, ia juga sebagai tanda penghormatan Munirah terhadap ayah mentuanya.

Dalam konteks kajian, perasaan malu dan segan yang menguasai diri Munirah pada ketika itu adalah normal. Kebiasaannya, sesiapa pun akan merasa kurang selesa apabila bertemu dengan orang yang baru dikenali. Apatah lagi dalam situasi Munirah yang berhadapan dengan ayah mentuanya sendiri. Sebagai menantu, dia perlu menunjukkan rasa hormat yang tinggi terhadap ayah mentuanya. Persoalan-persoalan yang bermain di fikiran Munirah seperti, “*Ayah?*”, “*Ayah mentuaku?*” dan “*Amboi segannya aku*”, memperlihatkan tekanan dan konflik dalam diri Munirah. Selain itu, Munirah juga bimbang jika kehadirannya sebagai isteri Rahmat tidak diresmikan oleh keluarga suaminya itu. Justeru, pertanyaan lain bermain di fikirannya seperti, “*Bagaimanakah caranya untukku menghormatinya?*”, “*Masakan aku berbuat seperti adat orang-orang Barat*” dan “*Adat kedua ibu bapaku*”. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan Munirah terhadap adat dan resam orang Melayu. Selain itu, permohonan Munirah kepada Allah supaya diberikan petunjuk di saat-saat kesusahan seharusnya dipuji. Ini secara tidak langsung menggambarkan peribadi Munirah yang taat kepada ajaran Islam walaupun dia masih baru mendalami Islam.

4.1.3.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Berbentuk sapaan, perkenalan dan perbualan. Pertemuan Rahmat dengan ayahnya setelah lima tahun tidak pulang ke kampung membuatkan hubungan anak dan bapa itu semakin akrab. Kehadiran Munirah sebagai menantu baru dalam keluarga

Rahmat pula dilihat sebagai detik permulaan untuk membina hubungan dalam keluarga tersebut.

Latar

Peristiwa 3 berlaku di kampung Rahmat, iaitu di Kampung Batu Ragi.

Urutan Perilaku

Terdapat dua peristiwa dalam urutan perilaku. Pertama, ia melibatkan Rahmat dengan ayahnya. Sebagai anak dan orang yang lebih muda, Rahmat telah mendahului ayahnya dengan memberikan ucapan salam. Salam itu disambut oleh ayahnya dan kemudian mereka bersalaman. Kedua, pertemuan Munirah dengan ayah mentuanya. Munirah dilihat memulakan perkenalan dengan menghulurkan tangan untuk bersalaman dan menciumi tangan ayah mentuanya. Perbuatan Munirah ini sememangnya wajar kerana sebagai menantu dia perlu menzahirkan rasa hormat kepada ayah mentuanya. Begitu juga apabila Munirah telah memulakan perbualan dengan bertanyakan khabar. Jawapan, "*khabar baik*" yang diberikan oleh ayah mentuanya menunjukkan adanya hubungan yang erat dalam urutan perilaku yang menekankan aksi.

Norma Interpretasi

Pelbagai cara boleh dilakukan untuk menyatakan rasa hormat termasuklah dengan cara memberikan salam. Orang yang memberikan salam akan dipandang tinggi, lebih beradab dan berbudaya. Sebaliknya, orang yang tidak mengamalkannya dianggap kurang beradab dan tidak menepati ciri-ciri budaya Timur yang terkenal dengan sopan dan santunnya. Apatah lagi jika ia melibatkan hubungan antara

anak dan bapa serta anggota keluarga. Dalam konteks kajian, tindakan Munirah menghulur dan mencium tangan bapa mentuannya secara tidak langsung telah memberikan nilai positif terhadap peribadinya. Ini bermakna, beliau telah mematuhi norma-norma interpretasi dalam budaya Melayu walaupun dia berasal daripada keturunan yang berbeza.

4.1.3.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Dalam peristiwa 3, subkonsep malu adalah ‘rasa malu’. Perasaan malu muncul dalam diri Munirah apabila dia bersua muka dengan ayah mentuannya. Perasaan malu ini bercampur baur dengan perasaan lain seperti takut dan bimbang. Munirah sedar, cabaran yang besar sedang menantinya kerana dia bukan menantu pilihan dan berketurunan Barat. Justeru, Munirah merasa rendah diri untuk bergaul dengan keluarga Rahmat. Walau bagaimanapun, Munirah tetap berusaha melakukan yang terbaik supaya dia dapat diterima menjadi sebahagian daripada anggota keluarga suaminya. Hal ini jelas apabila Munirah berusaha menyelami cara hidup dan budaya orang Melayu.

4.1.3.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka (*Face Assertion*)

Dalam peristiwa 3, gaya pengurusan air muka yang dipilih ialah ‘tuntutan air muka’. Munirah didapati cuba mempertahankan dan melindungi keperluan air mukanya daripada terjejas. Oleh itu, Munirah berusaha menjaga tutur kata dan tingkah lakunya supaya tidak dipandang serong dan aib oleh masyarakat kampung. Selain itu, Munirah juga tidak mahu nama baik ibu bapa dan keturunannya dipersalahkan oleh kaum keluarga suaminya. Atas dasar inilah, Munirah telah menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan ayah mentuanya. Munirah sedar, perbuatan memberi salam merupakan sebahagian daripada cara hidup orang Melayu yang cukup dititik beratkan.

Gaya Pengurusan Konflik

Obligasi

Gaya obligasi merujuk kepada sikap dan perlakuan Munirah yang peka terhadap air muka ayah mentuanya. Munirah sedar dia harus menghormati bapa mentuanya itu walaupun dia mungkin tidak diterima menjadi sebahagian daripada ahli keluarga. Justeru, Munirah mencari kekuatan dalam dirinya untuk menampilkan diri mengikut adat orang Melayu. Dalam hubungan ini, perbuatan Munirah menghulurkan tangan kepada ayah mentuanya bukan sahaja sebagai tanda hormat tetapi juga dapat menjaga air muka mentuanya daripada terjejas.

Kompromi

Munirah telah bersalaman dengan mentuanya. Dalam budaya Melayu, perbuatan bersalaman merupakan sebahagian daripada elemen kesantunan yang sangat dititikberatkan, terutamanya apabila orang muda bertemu dengan orang yang

lebih tua. Selain itu, ia menunjukkan bahawa Munirah sedia bertolak ansur dan mengamalkan budaya Melayu sebagai penyelesaian kepada konflik yang sedang dihadapinya pada ketika itu. Seterusnya, Munirah bolehlah disifatkan sebagai individu yang mementingkan kumpulan daripada diri sendiri. Hal ini dapat dikaitkan dengan ‘air muka positif’, iaitu Munirah ingin dihormati, dihargai dan diterima oleh masyarakat kampung.

4.1.4 Peristiwa 4

Aku lupa. Lupa di mana aku ketika itu. Lupa siapa aku ketika itu. Dan apabila aku menyedari diriku kembali, aku perhatikan ramai orang, lelaki perempuan, tua muda berdiri memerhatiku. Oh Tuhan. Mengapakah aku harus hanyut dalam situasi yang begitu kaget. Beberapa orang perempuan di satu kumpulan sedang berbisik-bisik seolah-olah mengatakan sesuatu mengenai diriku. Kejam. Mengapa kau orang semua mesti mengumpat. Sungguh *malu*. Wanita kota yang cerdas dalam segala keadaan, kini menikus di tempat yang begitu mundur.

(m.s. 21)

Dalam peristiwa 4, Munirah telah dibawa oleh Rahmat pulang ke kampung untuk diperkenalkan kepada kaum keluarganya. Kehadiran Munirah telah menjadi perhatian masyarakat kampung dan situasi ini disedari oleh Munirah melalui kata-katanya, “*Dan apabila aku menyedari diriku kembali, aku perhatikan ramai orang, lelaki perempuan, tua muda berdiri memerhatiku*”. Munirah tidak selesa dengan apa yang berlaku dan menganggap kelakuan masyarakat kampung itu adalah kejam. Dalam hal ini, Munirah tidak boleh dipersalahkan kerana dia telah dibesarkan di bandar yang masyarakatnya bersikap lebih terbuka dan tidak suka mencampuri urusan orang lain. Situasi yang berlaku

di kampung telah menyebabkan Munirah lebih tertekan dan malu seperti mana yang dinyatakannya, *Sungguh malu. Wanita kota yang cerdas dalam segala keadaan, kini menikus di tempat yang begitu mundur.* Munirah juga merasa malu pada dirinya kerana dia kini hanyalah seorang wanita pasif yang hidup terasing di desa. Sedangkan semasa di kota, dia sentiasa bersemangat dan bergerak aktif. Walau bagaimanapun, Munirah tetap mengharapkan agar masyarakat kampung menerima dan melayaninya sama seperti wanita desa yang lain.

4.1.4.1 Komponen-komponen Komunikasi

Bentuk Mesej

Apa yang diluahkan oleh Munirah adalah komunikasi tanpa suara dan menjurus kepada interaksi dalaman yang bersifat peribadi. Ianya sekadar luahan hati Munirah yang menggambarkan pergolakan perasaan dan tekanan yang sedang dialaminya pada ketika itu. Dalam kesenyapsunyian ini juga, tidak dinyatakan apa-apa pergerakan fizikal yang lain seperti kedudukan mata, tangan, mimik muka dan sebagainya.

4.1.4.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Subkonsep malu dalam peristiwa 4 adalah 'rasa malu'. Dalam hubungan ini, Munirah merasa malu untuk berhadapan dengan masyarakat kampung yang asyik memerhati dan memperkatakan mengenai dirinya. Reaksi yang ditunjukkan itu telah menyebabkan Munirah merasa bimbang jika ada di antara tingkah lakunya nanti bertentangan dengan adat dan budaya Melayu. Pada masa yang sama,

Munirah juga malu dengan sikapnya yang tidak bersemangat, pasif dan takut dengan cabaran. Seharusnya, dia lebih berani berhadapan dengan masyarakat kampung apatah lagi dia seorang wanita yang berpelajaran tinggi dan dibesarkan dalam persekitaran yang moden.

4.1.4.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Gaya pengurusan air muka dalam peristiwa 4 adalah ‘tuntutan air muka’. Munirah yang berketurunan Barat didapati cenderung kepada budaya konteks rendah, iaitu lebih mengutamakan air muka sendiri. Ini jelas apabila Munirah menyatakan, *Kejam. Mengapa kau orang semua mesti mengumpat. Sungguh malu. Wanita kota yang cerdas dalam segala keadaan, kini menikus di tempat yang begitu mundur.* Apa yang terlintas di fikiran Munirah jelas menunjukkan bahawa dia merasa sangat malu dan tertekan dengan apa yang berlaku. Selain itu, perlakuan Munirah juga boleh dikaitkan dengan ‘air muka negatif’ yang selalu diamalkan dalam budaya konteks rendah. Air muka negatif bermaksud individu itu inginkan ruang peribadi, kebebasan dan tidak suka mencampuri urusan orang lain. Dalam hubungan ini, Munirah berpendapat ruang peribadinya telah dicerobohi oleh masyarakat kampung.

Gaya Pengurusan Konflik

Reaksi yang ditunjukkan oleh masyarakat kampung telah mencetuskan konflik dalam diri Munirah. Walau bagaimanapun, pengarang tidak menyatakan dengan lanjut mengenai tindakan dan aksi Munirah dalam usaha menangani konflik tersebut.

4.1.5 Peristiwa 5

Kami berjalan mengelilingi kawasan di belakang rumah, kemudian bergerak balik. Tatkala kami hampir di rumah, kedengaran gesekan biola serta nyanyian halus merdu sayup bunyinya.

“Munirah,” kata Hisyam.

Kedengaran nyanyian halus.

“Hamilah,” kataku.

Kami bergerak hampir.

“Pandai dia menyanyi,” kata Hisyam.

Masakan tidak.

Mereka tentu sudah berkemas. Bertiga berkumpul di serambi. Hamilah dan Masita mengadap Munirah menggesek biolanya. Hamilah terus menyanyi. Kami tidak mengganggu melainkan berdiri memerhati. Apabila selesai nyanyian Hamilah, Hisyam bertepuk tangan. Hamilah tersedar, berlari ke dalam, *kesipuan*. Melihat kami, Masita pun masuk ke dalam.

(m.s. 32 dan 33)

Peristiwa 5 memperlihatkan kehebatan Munirah menggesek biola di luar serambi rumah. Manakala, adik iparnya Hamilah menyanyikan lagu mengikut rentak gesekan biola sambil diperhatikan oleh Masita. Ketiga-tiganya begitu leka sehingga tidak menyedari bahawa Rahmat dan Hisyam sedang memerhatikan mereka. Rahmat dan Hisyam sebenarnya mengagumi bakat seni yang mengalir dalam tubuh Munirah dan Hamilah. Justeru, apabila Rahmat dan Hisyam

memberikan tepukan, Hamilah sepiantas kilat berlari masuk ke dalam rumah sambil diikuti oleh Masita. Hamilah dan Masita merasa malu terutamanya terhadap Hisham yang merupakan orang luar. Ini mungkin disebabkan cara didikan yang diterima sejak kecil telah membataskan tingkah laku dan pergaulan mereka. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan kesopanan dan kehalusan budi pekerti gadis Melayu desa yang masih berpegang teguh kepada adat dan tatasusila.

4.1.5.1 Komponen-komponen Komunikasi

Latar

Peristiwa 5 menonjolkan serambi rumah sebagai latar suasana. Orang Melayu dikatakan gemar meluangkan masa untuk berehat, berbual-bual, mengambil angin dan sebagainya di serambi rumah. Selain itu, suasananya yang tidak formal juga boleh memberikan ketenangan sekali gus dapat menikmati udara segar. Dalam konteks kajian, Munirah, Hamilah dan Masita bersantai di luar serambi rumah. Sambil berkumpul, Munirah mengesekkan biola manakala Hamilah pula mengalunkan nyanyian. Latar masa pula adalah pada malam hari di mana orang Melayu biasanya akan beristirahat setelah penat bekerja pada waktu siang.

Peserta

Tingkah laku seseorang itu boleh berubah apabila berhadapan dengan individu yang berbeza jantina. Menurut Zimbardo dalam kajian Amida (2004:49), emosi malu juga dialami apabila individu itu berhadapan dengan individu yang berlainan jantina dengannya yang diandaikan berpotensi menjalin perhubungan yang lebih

intim. Dalam konteks kajian, gadis Melayu desa dikatakan lebih selesa berkumpul dalam kalangan jantina yang sama. Kebiasaannya, mereka mudah merasa malu dan kekok jika ada jantina yang berbeza apatah lagi jika individu itu berada di luar lingkungan kekerabatan mereka. Misalnya, Hamilah yang sedang asyik mengalunkan nyanyian tiba-tiba berlari masuk ke dalam rumah. Dia merasa malu apabila mengetahui nyanyiannya telahpun didengari oleh Hisyam. Reaksi spontan yang ditunjukkan oleh Hamilah ini merupakan sebahagian daripada lambang kesopanan gadis Melayu yang ‘tahu malu’. Selain itu, Hamilah juga tidak yakin dengan nyanyian dan bakatnya sehingga merasa rendah diri apabila membandingkan dirinya dengan Hisyam yang berpelajaran.

4.1.5.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Subkonsep malu dalam peristiwa 5 adalah ‘rasa malu’. Dalam konteks kajian, Hamilah merasa segan dan malu terhadap Hisyam, iaitu rakan kepada abangnya. Perkenalan yang baru bermula itu membuatkan Hamilah merasa kekok untuk berhadapan dan berinteraksi dengan Hisyam. Justeru, Hamilah bertindak melarikan diri ke dalam rumah sebaik sahaja mengetahui Hisyam telah pun mendengar nyanyiannya. Hal ini dinyatakan seperti berikut, *Apabila selesai nyanyian Hamilah, Hisyam bertepuk tangan. Hamilah tersedar, berlari ke dalam, kesipuan.* Begitu juga dengan reaksi yang ditunjukkan oleh Masita. Tanpa bicara, beliau turut masuk ke dalam rumah meninggalkan Munirah untuk bersama-sama dengan Rahmat dan Hisyam. Perasaan malu yang menguasai Hamilah dan Masita

itu secara tidak langsung membezakan mereka dengan Munirah yang lebih terbuka dalam pergaulan tidak kira lelaki atau wanita. Hal ini disebabkan Hamilah, Masita dan Munirah dibesarkan dengan nilai, budaya, didikan dan persekitaran yang berbeza.

4.1.5.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Jaga Air Muka

Perasaan malu terhadap Hisyam telah menyebabkan Hamilah melarikan diri ke dalam rumah. Secara tidak langsung, tindakan Hamilah ini memperlihatkan bahawa dia cuba untuk menjaga air mukanya sendiri. Dia tidak mahu Hisyam melihat wajahnya yang pada ketika itu sedang menahan malu. Pada masa yang sama, Hamilah malu bertentangan mata dengan Hisyam. Masita juga melakukan tindakan yang sama dengan Hamilah. Gaya pengurusan air muka yang dipilih oleh Hamilah dan Masita ini secara tidak langsung memberi ruang kepada Rahmat, Hisyam dan Munirah untuk berbicara dengan bebas. Ternyata, Hamilah dan Masita tidak suka mencampuri perbualan orang lain apatah lagi yang melibatkan abangnya Rahmat. Ini kerana mereka mempunyai perasaan hormat yang tinggi terhadap Rahmat, Munirah dan Hisyam. Selain itu, mereka juga telah dididik supaya tidak mendengar perbualan orang lain.

Gaya Pengurusan Konflik

Perasaan malu yang timbul dalam diri Hamilah dan Masita tidak mencetuskan sebarang konflik atau tekanan. Oleh itu, gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.6 Peristiwa 6

Ya, dia turut ada. Tenang, lembut, tertib dia mengisi nasi-nasi yang sudah sedia masak ke dalam pinggan. Kerjanya tidak mengendahkan sesiapa. Ya, tidak sesiapa! Tidak juga denganku. Masakan dia tidak menyedari aku ada bersama. Masakan. Angkatlah mukamu, wahai Salwa, senyumlah padaku o Salwa, seperti senyummu semalam. Pandanganku tertambat padanya. Duniaku ketika itu hanya padanya. Aku sebenarnya telah dibuai perasaan sehingga tidak menyedari aku dikelilingi oleh orang ramai.

“Ini Hisyam, Pak Ngah!” tiba-tiba Rahmat menepuk bahunya.

Bagaikan terpancut air kencing, aku terkejut, *malu*. *Malu* kalau-kalau kelakuanku diketahui. Aku bangun. Senyum berat.

(*m.s.*

48)

Sewaktu Hisyam tiba di masjid, dia berusaha mencari kelibat Salwa yang merupakan anak kepada Pak Ngah Baki. Usaha Hisyam tidak sia-sia apabila mendapati Salwa juga ada di situ. Salwa sedang sibuk mengisi nasi ke dalam pinggan tanpa menyedari bahawa dirinya sedang diperhatikan oleh Hisyam. Hisyam pula begitu asyik memandang ke arah Salwa tanpa menghiraukan orang disekelilingnya. Apabila Rahmat menepuk bahunya, Hisyam tersentak. Rahmat kemudiannya memperkenalkan Hisyam kepada Pak Ngah Baki. Hakikatnya,

Hisyam merasa malu jika kelakuannya yang asyik memandangi ke arah Salwa sebentar tadi telah disedari oleh Rahmat dan Pak Ngah Baki.

4.1.6.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 6 berbentuk sapaan, perkenalan dan perbualan. Rahmat telah memperkenalkan Hisyam kepada Pak Ngah Baki dengan penuh hormat dan mesra.

Latar

Peristiwa 6 menonjolkan masjid bukan sahaja sebagai tempat beribadat tetapi juga ruang untuk masyarakat kampung berkumpul bagi mengadakan aktiviti kemasyarakatan. Hal ini menunjukkan betapa eratnya hubungan dan kerjasama mereka dalam menjayakan pelbagai aktiviti.

4.1.6.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Perasaan malu yang menguasai diri Hisyam didorong oleh rasa bimbang jika kelakuannya yang asyik memerhatikan Salwa itu disedari oleh Rahmat dan Pak Ngah Baki. Hisyam sedar, sebagai orang baru di kampung itu dia seharusnya pandai menjaga tingkah laku supaya tidak dipandang serong oleh masyarakat kampung yang berpegang kuat kepada adat dan tradisi. Tambahan pula, dia memerlukan sokongan dan kepercayaan daripada orang kampung untuk menjayakan program yang dirancang bersama Rahmat dan Munirah.

4.1.6.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Sebaik sahaja Rahmat menepuk bahunya, Hisyam kembali sedar bahawa dia sebenarnya sudah mengelamun jauh. Justeru, terbit rasa malu dalam dirinya jika perbuatannya itu disedari oleh Rahmat mahu pun Pak Ngah Baki. Hisyam berusaha mengawal perasaan malu dalam dirinya dengan memberikan reaksi positif. Dia bangun dengan segera dan menghulurkan tangan kepada Pak Ngah Baki. Tindakan Hisyam itu secara tidak langsung memperlihatkan sikapnya yang cuba mempertahankan dan melindungi keperluan sendiri. Dengan kata lain, tuntutan untuk menjaga air mukanya sendiri telah menyebabkan Hisyam bersikap sedemikian rupa. Ini mungkin disebabkan Hisyam tidak mahu orang lain mengetahui bahawa dia ada menaruh hati terhadap Salwa. Apatah lagi jika diketahui oleh Pak Ngah Baki yang juga merupakan ayah kepada Salwa. Oleh itu, Hisyam cuba bersikap tenang supaya perasaan malunya itu dapat diatasi sekaligus melindungi air mukanya sendiri. Pada masa yang sama, Hisyam mahu menjaga nama baiknya supaya tidak dipandang serong sebaliknya diterima dengan baik oleh masyarakat kampung.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.7 Peristiwa 7

“Sebenarnya saya baru pulang dari Batu Pahat. Kedatangan Cik Hisyam tidaklah saya ketahui sehingga tadi. Itulah sebabnya, Jumaat kelmarin saya tak ada, ” tambahnya.

Aku mengangguk. Perlahan-lahan diriku dapat dikawal kembali. Sumpah hatiku tidak putus-putus kerana keadaanku sebelumnya. Kalau orang itu tahu, alah mak, **malunya** aku!

(m.s. 48 & 49)

Peristiwa 7 merupakan kesinambungan daripada peristiwa 6. Hisyam berusaha mengawal perasaan malunya walaupun dia masih merasa gugup untuk bercakap dengan Pak Ngah Baki. Namun, bicara Pak Ngah Baki yang bersahaja dan mesra telah meredakan perasaan malu Hisyam. Situasi ini membolehkan Hisyam mengawal perasaan malu dalam dirinya. Walau bagaimanapun, Hisyam kesal dengan perbuatannya yang leka merenung Salwa sehingga tidak memikirkan keadaan di sekelilingnya. Namun, nasibnya baik kerana Pak Ngah Baki dan Rahmat seolah-olah memahami situasinya pada ketika itu. Walau bagaimanapun, Hisyam tetap berharap agar perbuatannya itu tidak diketahui oleh orang lain terutamanya Pak Ngah Baki.

4.1.7.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 7 berbentuk perbualan. Pak Ngah Baki menjelaskan kepada Hisyam bahawa dia baru sahaja pulang dari Batu Pahat. Oleh itu, dia tidak tahu mengenai kedatangan Hisyam ke kampungnya sehinggalah mereka

diperkenalkan. Hisyam pula sekadar mengiyakan kata-kata Pak Ngah Baki itu kerana pada ketika itu dia sebenarnya cuba mengawal perasaan malunya.

Latar

Latar peristiwa ialah di luar perkarangan masjid di mana masyarakat kampung sibuk menyediakan makanan.

4.1.7.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Sebagai orang luar, Hisyam perlu menjaga sikap dan perlakuannya supaya tidak dipandang rendah oleh masyarakat kampung. Apatah lagi, kehadirannya di situ adalah untuk membantu Rahmat membangunkan kampung Batu Ragi. Oleh itu, dia sangat memerlukan sokongan dan kepercayaan daripada masyarakat kampung. Justeru, Hisyam merasa malu dengan perbuatannya lebih-lebih lagi ia berlaku di hadapan Rahmat dan Pak Ngah Baki.

4.1.7.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Hisyam didapati cuba mengawal diri dan perasaannya daripada dibelenggu rasa malu. Oleh itu, dia cuba berinteraksi sebaik mungkin dengan Rahmat dan Pak Ngah Baki demi menutup kesilapannya. Reaksi yang ditunjukkan oleh Hisyam ini

secara tidak langsung memperlihatkan sikapnya yang cuba melindungi air muka dan keperluan peribadinya. Ini mungkin disebabkan Hisyam tidak mahu masyarakat kampung mempunyai tanggapan buruk terhadap dirinya. Apatah lagi, dia baru sahaja hendak menyesuaikan diri dengan keadaan di kampung itu.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.8 Peristiwa 8

“Tambah nasi tu, cikgu! Jangan *segan-segan*,” katanya ikhlas. “Inilah kebiasaan lauk-pauk kami orang kampung. Pucuk ubi, pucuk paku lawannya sambal belacan.”

Aku mengangguk. Tiga kali tambah nasi; di luar kebiasaanku makan. Nasi beras baru itu sungguh-sungguh menggalakkan selera.

(*m.s.*

49)

Pak Ngah Baki mempelawa Hisyam supaya menambah nasi. Dia tidak mahu Hisyam merasa malu. Bagi Pak Ngah Baki, hidangan yang disediakan itu hanyalah masakan biasa masyarakat kampung sepertinya. Namun, bagi Hisyam masakan kampung seperti pucuk ubi, pucuk paku dan sambal belacan itulah yang membuka selera makannya. Inilah keistimewaan lauk pauk kampung yang sentiasa segar dan penuh khasiat. Apatah lagi nasi yang dijamu itu adalah beras baru. Keenakan makanan yang disediakan itu telah menyebabkan Hisyam menambah nasi sehingga 3 kali.

4.1.8.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 8 berbentuk pelawaan. Pak Ngah Baki mempelawa tetamunya, iaitu Hisyam supaya tidak merasa malu untuk menikmati hidangan yang disediakan. Layanan yang diberikan oleh Pak Ngah Baki ini menggambarkan budaya orang Timur yang sangat menghormati tetamu dan suka merendah diri.

Latar

Peristiwa berlaku di rumah Pak Ngah Baki.

4.1.8.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Dalam budaya Melayu, perbuatan mempelawa dan menjemput seseorang itu untuk menikmati hidangan adalah dituntut. Ia bertujuan supaya orang yang dipelawa itu merasa lebih selesa dan tidak merasa malu untuk menjamah makanan yang disediakan. Dalam konteks kajian, layanan mesra yang ditunjukkan oleh Pak Ngah Baki terhadap Hisyam secara tidak langsung telah mengeratkan hubungan kedua-duanya. Bagi Hisyam pula, sebagai tetamu dia tentu merasa malu untuk berkelakuan bebas. Namun, layanan yang diberikan oleh Pak Ngah Baki telah menyebabkan Hisyam merasa selesa dan dihormati sekali gus dapat mengurangkan perasaan malunya terhadap Pak Ngah Baki. Ibaratnya, dia seperti berada di rumah sendiri. Hal ini dapat diperhatikan apabila Hisyam telah menambah nasi sebanyak 3 kali.

4.1.8.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.9 Peristiwa 9

... Kanak-kanak bertepuk tangan apabila melihat gambar di tv. Orang-orang yang lebih dewasa, lelaki perempuan, masing-masing tertinjau-tinjau di celah-celah keramaian untuk melihat. Mereka kelihatan di antara *malu* dan berkeinginan, *tersipu-sipu* apabila bertentangan dengan pandanganku. Aku hanya senyum, senyum galak?

(m.s.

55)

Kampung Batu Ragi masih jauh ketinggalan daripada arus pembangunan jika dibandingkan dengan kampung-kampung yang lain. Justeru, bukanlah sesuatu yang pelik jika masyarakat kampung tidak kira tua dan muda kelihatan asyik memerhatikan gambar di kaca televisyen. Bagi mereka, televisyen merupakan teknologi baru dalam kehidupan mereka. Oleh itu, peluang yang ada digunakan sepenuhnya seperti mana yang dinyatakan, *...Orang-orang yang lebih dewasa, lelaki perempuan, masing-masing tertinjau-tinjau di celah-celah keramaian untuk melihat*. Munirah dapat merasakan keinginan kuat masyarakat kampung untuk meneroka sesuatu yang baru seperti televisyen. Namun, perasaan malu dan segan

masih menghambat diri mereka. Hal ini dapat diperhatikan oleh Munirah apabila mendapati ada di antara mereka yang tersipu-sipu malu apabila bertentangan mata dengannya.

4.1.9.1 Komponen-komponen Komunikasi

Latar

Peristiwa berlaku di luar halaman rumah Rahmat. Munirah mendapati masyarakat kampung begitu teruja menonton televisyen yang baru dibawa oleh Rahmat.

Bentuk Mesej

Pelbagai bentuk mesej seperti kedudukan mata, tangan dan mimik muka dapat diperhatikan semasa Rahmat dan Hisyam membawa balik televisyen. Misalnya, reaksi kanak-kanak yang bertepuk tangan apabila melihat gambar di skrin tv sudah cukup menggambarkan keseronokan baru yang sedang mereka rasai. Orang-orang kampung juga memberikan reaksi yang sama sehinggakan mereka tertinjau-tinjau untuk melihat gambar di skrin televisyen. Ini menandakan bahawa mereka agak positif menerima kemasukan teknologi dan sedia menerima perubahan.

4.1.9.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Munirah mendapati orang-orang kampung sedang asyik melihat gambar di skrin televisyen. Namun, masih ada perasaan segan dan malu dalam diri mereka. Ini mungkin disebabkan perasaan rendah diri dan kesedaran mengenai kehidupan di

desa yang masih jauh ketinggalan. Namun, itu tidak bermakna mereka menolak perubahan dan pembangunan. Justeru, mereka mengambil peluang yang ada untuk melihat sendiri bagaimana televisyen yang dibawa oleh Rahmat itu dapat berfungsi. Dengan kata lain, mereka tidak mahu ketinggalan untuk sama-sama menikmati kemudahan yang ada.

4.1.9.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Jaga Air Muka

Munirah tidak mahu air muka orang kampung terjejas kerana merasa malu terhadap dirinya. Dia sedar, mereka perlu diberikan pendedahan mengenai dunia informasi dan teknologi jika ingin maju seperti orang lain. Oleh itu, Munirah memberi ruang kepada orang kampung untuk bergerak bebas dan berbicara sesama mereka. Atas dasar hormat jugalah, dia tidak mahu melibatkan diri dalam kelompok tersebut. Munirah percaya, jika dia turut serta dalam kumpulan itu, mereka pasti akan merasa malu dan tidak mendapat kebebasan yang sepenuhnya untuk meneroka pengalaman baru.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.10 Peristiwa 10

“Sabar dulu Arah. Biar kita dengar dulu ceritanya,” tegas ayah Rahmat. Suaranya sedikit meninggi, geram.

“Saya **geram**lah. **Memalukan** kita sahaja. Dari dulu dah saya katakan, orang macam dia tu saya tak percaya,” seranah ibu Jalil lagi.

(*m.s.*

68)

Peristiwa 10 menggambarkan ketegangan yang sedang berlaku dalam keluarga Rahmat. Ianya bermula apabila Jalil mendakwa kakak iparnya Munirah telah mengajaknya masuk ke dalam bilik untuk melakukan perbuatan yang tidak senonoh. Namun, Jalil menolak pelawaan itu dan ini menyebabkan dirinya dipukul oleh Munirah. Cerita yang disampaikan oleh Jalil itu telah menimbulkan kemarahan Arah, iaitu ibu Jalil. Arah sememangnya membenci Munirah dan tidak pernah menerima Munirah sebagai menantu sejak kali pertama Munirah mejejakkan kaki ke rumahnya. Bagi Arah, perbuatan yang cuba dilakukan oleh Munirah terhadap Jalil itu hanya akan memalukan keluarga. Walau bagaimanapun, ayah Rahmat cuba menenangkan isterinya itu supaya bersabar dan tidak terburu-buru meletakkan kesalahan terhadap Munirah. Sebaliknya, dia mahu Munirah juga diberikan peluang untuk memberikan penjelasan tentang apa yang berlaku. Sikap ayah Rahmat ini menunjukkan bahawa dia seorang yang adil dan mementingkan kebenaran. Dengan kata lain, yang bersalah tetap bersalah walaupun kesalahan itu melibatkan anak sendiri.

4.1.10.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Situasi yang berlaku dalam peristiwa 10 adalah perbincangan dalam keluarga. Ia bertujuan untuk menyelesaikan ketegangan yang berlaku antara Munirah dan Jalil seterusnya mencari kebenaran. Walau bagaimanapun, perbincangan itu berlaku dalam suasana yang agak tegang kerana ibu mentua Munirah tidak dapat mengawal emosinya.

Latar

Perbincangan berlaku di dalam rumah keluarga Rahmat.

4.1.10.2 Subkonsep Malu

Memalukan

Tanpa usul periksa, Arah mempercayai sepenuhnya kata-kata Jalil bahawa Munirahlah yang telah menggoda dan mengajaknya melakukan perbuatan yang tidak senonoh. Arah percaya, Munirah bukanlah seorang gadis yang baik memandangkan dia berketurunan Barat. Oleh itu, dia menganggap perbuatan Munirah yang cuba mengambil kesempatan ke atas Jalil itu adalah sangat memalukan dan mengaibkan keluarganya.

4.1.10.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Hakikatnya, perasaan benci Arah terhadap Munirah telah menyebabkan dia tidak dapat berfikir dengan rasional. Selain itu, egonya yang tinggi juga menyebabkan Arah berkeras dengan pendiriannya bahawa Munirah harus dipersalahkan. Sikap Arah ini menunjukkan bahawa dia ingin mempertahankan dan melindungi keperluannya supaya tetap berkuasa dalam keluarganya. Pada masa yang sama, Arah tidak mahu tewas ditangan Munirah demi menjaga air mukanya supaya tidak terjejas.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.11 Peristiwa 11

“Emak... ayah...,” jelas Munirah dalam tangisannya. “Terlebih dahulu, saya mohon ampun dan maaf sekiranya sesuatu yang buruk telah *memalukan* emak dan ayah dan keluarga semua. Saya sedar diri saya. Saya sedar dari mana saya datang. Saya sedar saya berdagang dan menumpang di sini... Tetapi saya juga mempunyai maruah emak... ayah. Saya ingin tahu sama ada emak... ayah percaya pada saya atau tidak... Saya tidak melakukan perbuatan yang terkutuk itu.”

“Bohong!” sergah perempuan itu lagi. Tinggi suaranya.

“Arah!” ayah Rahmat menengking.

(m.s. 69)

Peristiwa 11 menyaksikan Munirah begitu tertekan apabila mak mentuanya telah mempercayai fitnah yang dilemparkan oleh Jalil. Munirah juga sedar, kejadian yang berlaku itu pasti akan mengaibkan nama baik keluarga Rahmat dan mencemarkan maruahnya sendiri. Oleh itu, dia memohon kemaafan atas apa yang berlaku walaupun sebenarnya dia tidak bersalah. Pada masa yang

sama, Munirah tetap mempertahankan dirinya dan cuba menjelaskan peristiwa sebenar. Hakikatnya, dia masih punya harga diri dan maruah serta tidak tergamak melakukan perbuatan yang terkutuk itu apatah lagi dengan adik iparnya sendiri. Justeru, Munirah mahu emak dan ayah mentuanya percaya bahawa dia berada di pihak yang benar. Walau bagaimanapun, penjelasan Munirah itu tidak diterima oleh ibu mentuanya. Sebaliknya, Munirah dituduh cuba berbohong bagi menyembunyikan perkara yang sebenar. Ketegangan yang berlaku itu telah memaksa ayah Rahmat untuk bersuara. Dia tidak mahu isterinya itu membuat keputusan siapa yang bersalah sebelum mendengar penjelasan daripada kedua-dua belah pihak.

4.1.11.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 11 berbentuk perbincangan, iaitu mengenai permasalahan dalam keluarga Rahmat. Terdapat unsur ketegangan dan konflik dalam diri Munirah yang menjadi mangsa fitnah adik iparnya sendiri.

Latar

Peristiwa berlaku di dalam rumah keluarga Rahmat.

Topik

Persoalan yang ditimbulkan dalam peristiwa 11 ialah mengenai maruah dan harga diri. Dalam hal ini, Jalil telah mengadakan cerita kononnya Munirah cuba melakukan perbuatan yang tidak baik terhadap dirinya. Walau bagaimanapun,

Munirah sedaya upaya mempertahankan dirinya daripada terus menjadi mangsa fitnah Jalil.

4.1.11.2 Subkonsep Malu

Diberi Malu

Munirah telah diberi malu oleh Jalil yang menuduhnya cuba melakukan perbuatan tidak bermoral. Hakikatnya, Jalil berdendam dan sakit hati terhadap Munirah yang tidak mahu melayan nafsunya. Oleh itu, dia berusaha untuk mengaibkan Munirah termasuklah dengan melemparkan kata-kata kesat dan sindiran. Ia bertujuan untuk menentang dan membalas dendam terhadap Munirah.

Mendapat Malu

Munirah bukan sahaja dimalukan oleh Jalil tetapi dia juga mendapat malu yang lebih besar akibat daripada fitnah yang dilemparkan. Berikutan itu, dia dipandang hina dan keji terutamanya oleh ibu mentuanya sendiri. Maruah dan harga diri Munirah turut tercalar. Peristiwa ini menyebabkan Munirah merasa terhina dan sangat sedih seperti mana yang dinyatakannya, "*Saya sedar saya berdagang dan menumpang di sini...*". Walau bagaimanapun, Munirah masih tetap mempertahankan harga diri dan maruahnya.

Memalukan

Perbuatan Jalil yang sanggup memfitnah kakak ipar sendiri adalah sungguh jijik dan memalukan. Ia bukan sahaja mengaibkan Munirah malah mencemarkan nama baik keluarga dan masyarakat kampung keseluruhannya. Dalam institusi

kekeluargaan, ibu bapa sentiasa diingatkan supaya mendidik anak-anak dengan baik termasuklah memberikan didikan agama yang secukupnya. Dalam konteks kajian, Jalil terlalu dimanjakan oleh ibunya sehingga menyebabkan akhlaknya rosak. Oleh itu, Jalil tergamak memalukan kakak iparnya sendiri demi kepentingan peribadi. Seharusnya, Jalil menghormati Munirah sebagai kakak ipar dan meletakkan taraf Munirah di tempat yang tinggi dalam keluarganya. Manakala, Arah sebagai ibu mentua seharusnya memberikan contoh yang baik kepada anak-anaknya dan bukannya menambahkan lagi ketegangan dalam keluarga. Kelakuan Arah yang kasar terhadap Munirah secara tidak langsung telah merendahkan tarafnya sebagai ibu.

4.1.11.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Baik Pulih Air Muka

Fitnah yang dilemparkan oleh Jalil telah menyebabkan Munirah terpaksa menanggung malu. Namun, Munirah tidak mahu mendiamkan diri apatah lagi membiarkan maruahnya diaibkan oleh Jalil. Baginya, dia perlu membersihkan semula nama dan air mukanya yang telah terjejas. Dalam hal ini, Munirah lebih mementingkan maruah dan harga dirinya, apatah lagi dia tidak bersalah. Oleh itu, Munirah cuba menjelaskan kedudukan yang sebenar kepada mentuanya bahawa dia sebenarnya telah dianiaya oleh Jalil.

Gaya Pengurusan Konflik

Tuduhan yang dilemparkan oleh Jalil terhadap Munirah telah menyebabkan berlakunya konflik keluarga. Terdapat dua gaya pengurusan konflik iaitu:

Dominasi

Arah tetap bertegas dengan keputusannya bahawa Munirah bersalah. Dalam hal ini, beliau lebih mempercayai kata-kata anaknya Jalil walaupun dia sedar Jalil mungkin berbohong. Sikap Arah yang keras kepala dan tidak berganjak daripada keputusannya itu menunjukkan dia juga tidak menghormati suaminya sendiri. Ini bermakna, Arah lebih mementingkan diri sendiri daripada mengutamakan keharmonian keluarga.

Integrasi

Selaku ketua keluarga, ayah Rahmat berusaha menyelesaikan masalah dan konflik dalaman yang berlaku dalam keluarganya. Dia tidak mahu masalah tersebut berpanjangan sehingga mengugat keharmonian keluarganya. Oleh itu, dia perlu bersikap adil terhadap anak tirinya Jalil dan menantunya Munirah. Justeru, dia telah memberi peluang kepada Jalil dan Munirah untuk menjelaskan keadaan sebenar dan mempertahankan diri masing-masing. Melalui cara ini, beliau percaya kebenaran akan terserlah dan akan dapat membuktikan siapakah yang benar dan bersalah. Tindakan ayah Rahmat ini memperlihatkan sikapnya yang bijaksana, tidak terburu-buru dan telus dalam membuat keputusan. Kebijaksanaan dan ketelusan ayah Rahmat dalam membuat keputusan jelas ditunjukkan melalui kata-kata berikut:

“Jalil!” Ayah Rahmat bersuara tegas, kesal. “Fikirlah sendiri. Kau boleh menipu kami dan menipu sesiapa sahaja sehingga kakak ipar kau menjadi mangsa daripada penipuan itu. Tetapi ingatlah kepada Tuhan. Dia maha menyaksi... Kalau kau fikir, kau yang tidak bersalah, aku tidak dapat berbuat apa-apa, terpulanglah kepada abang kau dan Munirah sendiri. Tetapi kalau kau yang betul-betul bersalah, pergilah minta maaf dengan abang dan kakak iparmu itu. Dan, pergi hebahkan kepada orang-orang kampung supaya anak-anak mereka dibenarkan bersekolah esok.”

(m.s. 70 dan 71)

Berdasarkan kenyataan di atas, ayah Rahmat seperti telah mengetahui siapakah yang bercakap benar di antara Jalil dengan Munirah. Namun, dia tidak mahu menyatakannya secara langsung sebaliknya menggunakan agama sebagai perantara seperti mana yang dinyatakan, ...*Tetapi ingatlah kepada Tuhan. Dia maha menyaksi...*

4.1.12 Peristiwa 12

“Sudahlah. Abang tengoklah nanti. Si Munirah itulah nanti akan *memalukan* keluarga kita. Saya benci dengannya. Benci!” sela ibu Jalil. Dia kedengaran bangun dan bergerak. Ribut sekali kedengaran perjalanannya. Mungkin Jalil juga bersama dengannya.

(m.s.

71)

Peristiwa 12 merupakan kesinambungan daripada peristiwa 11. Arah merasa benci terhadap Munirah kerana apa yang berlaku melibatkan anaknya Jalil. Dia juga marah kepada suaminya kerana berpihak kepada Munirah daripada mempertahankan Jalil. Saerah sedar, anggota keluarganya tidak percaya dengan kata-kata Jalil dan dia juga tidak mendapat sokongan daripada sesiapa walaupun suaminya sendiri. Tambahan pula, Jalil hanyalah anak tiri kepada suaminya.

Namun, Saerah tetap bertegas bahawa Munirahlah yang harus dipersalahkan atas apa yang berlaku. Seterusnya, dia percaya Munirah jugalah nanti yang akan memalukan keluarga mereka yang sebelum ini sangat dihormati oleh masyarakat kampung. Akhirnya, Arah berlalu pergi meninggalkan perbincangan dengan perasaan tidak puas hati.

4.1.12.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Berbentuk perbincangan dalam keluarga. Perbincangan berlaku dalam keadaan yang tegang apabila Saerah tidak dapat mengawal emosi marahnya terhadap Munirah.

Topik

Fokus perbincangan bertujuan untuk menyelesaikan perbalahan dalam keluarga, iaitu mengenai tuduhan yang dibuat oleh Jalil terhadap Munirah. Walau bagaimanapun, sikap Saerah yang sukar untuk berunding dan terlalu mengikut perasaan telah menyebabkan masalah gagal diselesaikan.

4.1.12.2 Subkonsep Malu

Memalukan

Peristiwa 12 dikategorikan sebagai ‘memalukan’. Dalam masyarakat Melayu, cubaan melakukan maksiat dianggap sebagai perbuatan terkutuk dan sangat mengaibkan. Bagi Saerah pula, perbuatan Munirah itu ibarat telah ‘menconteng arang’ dan memalukan keluarganya. Selain itu, kelakuan Munirah juga dianggap

telah menjatuhkan nama baik kelompok masyarakat kampung. Secara tidak langsung, tuduhan yang dilemparkan terhadap Munirah itu bertujuan untuk menyingkirkannya daripada menjadi ahli keluarga Rahmat.

4.1.12.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Peristiwa 12 banyak tertumpu kepada watak Saerah. Dalam konteks kajian, Saerah lebih mempercayai kata-kata anaknya sendiri tanpa menyelidiki sejauh manakah kebenarannya. Beliau seolah-olah terdesak untuk mempertahankan air muka Jalil supaya tidak dipandang serong oleh keluarga. Pada masa yang sama, Saerah mahu menjaga air mukanya sendiri, terutamanya di hadapan Munirah. Sikap Saerah ini menunjukkan bahawa dia seorang yang mementingkan keperluan sendiri sehingga gagal bertindak dengan rasional. Oleh itu, Saerah seolah-olah merelakan perbuatan jahat anaknya.

Gaya Pengurusan Konflik

Dominasi

Terdapat unsur ketegangan dan konflik dalaman. Dalam hal ini, Saerah didapati cuba menguruskan konflik keluarganya dengan memilih gaya dominasi. Ia merujuk kepada sikap dan perlakuan Saerah yang tetap bertegas menyatakan bahawa Munirahlah yang bersalah. Hakikatnya, dia sendiri tidak pasti sejauh manakah kesahihan kata-kata Jalil. Saerah juga tidak mahu mendengar nasihat

suaminya supaya peristiwa yang mengaibkan itu diadili dengan sebaik mungkin. Selain itu, tindakan Saerah yang meninggalkan sesi perbincangan juga menunjukkan peribadinya yang degil, keras dan tidak mahu mendengar kata. Apa yang dia mahu hanyalah mempertahankan kedudukannya dan Jalil. Hal ini mungkin disebabkan Saerah ingin menjaga kepentingannya sebagai ibu tiri dalam keluarga Rahmat.

4.1.13 Peristiwa 13

... Dua pasang mata kami saling bertentangan. Aku senyum, dia pun turut senyum. Rasanya tidak ada risiko untuk kami terus berpandangan. Pandangan memandang, senyum bersenyum.
“Mun!” tiba-tiba suara Rahmat berteriak, membelah lamunan dan khayalan. Aku tersentak. Masita juga terperanjat dan membawa dirinya kembali kepada kenyataan. Dia kelihatan *tersipu*, lantaran *takut* kalau kelakuannya diketahui.

(*m.s.*

75)

Peristiwa 13 tertumpu kepada watak Hisyam dan Masita yang sedang asyik melayan perasaan masing-masing. Apabila bertentangan mata, keduanya berbalas senyuman. Walau bagaimanapun, mereka cepat tersedar apabila terdengar suara Rahmat yang memanggil nama Munirah. Saat itu juga, Masita

kelihatan malu dan takut jika apa yang berlaku antara dia dan Hisyam telah dilihat oleh orang lain.

4.1.13.1 Komponen-komponen Komunikasi

Latar

Latar peristiwa berlaku di ruang tamu rumah keluarga Rahmat. Pada ketika itu, ahli keluarga Rahmat sedang menonton televisyen.

Bentuk Mesej

Terdapat komunikasi tanpa suara yang berlaku antara Hisyam dan Masita. Ini dapat dilihat melalui pergerakan fizikal, iaitu lirik mata dan senyuman. Hal ini dapat dilihat apabila Hisyam dan Masita saling bertentangan mata dan berbalas senyuman biarpun kedua-duanya duduk agak jauh. Ini menunjukkan ada interaksi dan mesej tersirat yang cuba disampaikan antara satu sama lain. Hakikatnya, Hisyam dan Masita saling meminati tetapi berusaha menyembunyikannya daripada pengetahuan orang lain. Bahkan, Masita dikatakan merasa malu dan takut jika perbuatannya diketahui oleh orang lain. Perasaan ini timbul mungkin disebabkan asuhan dan didikan yang diterima oleh Masita. Antaranya, anak gadis tidak boleh bergaul bebas dengan orang luar apatah lagi jika individu itu berlainan jantina.

4.1.13.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Masita merasa segan dan malu jika kelakuannya yang bermain mata dan berbalas senyuman dengan Hisyam disedari oleh orang lain. Dia takut dan bimbang jika kelakuannya itu telah disalah tafsir sehingga memberikan kesan negatif terhadap dirinya.

4.1.13.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Perasaan malu dan takut yang menyelubungi diri Masita menyebabkan dia berusaha melindungi air mukanya. Dia tidak mahu orang lain terutamanya Hisyam melihat wajahnya pada ketika itu. Justeru, apabila Hisyam bergerak melewati belakangnya, Masita hanya menundukkan wajah. Tindakan Masita ini menunjukkan bahawa dia lebih mengutamakan air mukanya sendiri. Reaksi ini dapat dilihat melalui gambaran berikut:


... Aku bergerak, melewati belakang Masita. Dia tunduk.
Sesuatunya kejanggalan telah menggeladak di hati sanubarinya.
Hatiku juga demikian.

(m.s. 75)

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.14 Peristiwa 14



Seman sudah mulai hilang pertimbangan. Panduannya tidak tentu lagi. Belukar baik, semak baik dilanggarnya. Lintang-pukang kanak-kanak dan orang ramai dibuatnya. Dia tidak ingat untuk menekankan berek. Rahmat kelihatan berkejaran mengikuti motor tersebut. Akhirnya, Seman melanggar busut lalu mendaki, tetapi belum sampai di puncak, motor tersebut rebah bersamanya. Raungan enjin motor itu membelah kegembiraan orang yang memandang. Cepat-cepat Rahmat menghampirinya lalu mematikan enjin motor itu. Ketawanya pula kedengaran. Seman turut ketawa. Ketawa *separuh malu*.

(m.s.

98)

Peristiwa 14 mengisahkan Seman yang baru belajar memandu motosikal daripada Rahmat cuba menunggangnya seorang diri. Namun, pengalamannya yang masih baru itu tidak membolehkan dia memandu dengan baik. Dia gagal mengawal motosikal tersebut sehingga terlanggar busut. Keadaan ini menyebabkan Rahmat dan orang ramai yang berada di kawasan itu mentertawakannya. Seman juga ikut ketawa tetapi sebenarnya dia merasa malu dengan kejadian itu.

4.1.14.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Berbentuk kisah lucu. Hal ini dapat dilihat melalui pengalaman Seman yang baru hendak belajar menunggang motosikal. Seman gagal menunggangnya dengan baik hingga menyebabkan motosikalnya terbalik. Walaupun kejadian ini agak merbahaya namun masyarakat kampung menerimanya sebagai satu kejadian yang melucukan. Ini mungkin disebabkan aksi bersahaja yang ditunjukkan oleh Seman ketika terjatuh daripada motosikal tersebut.

Latar

Peristiwa lucu ini berlaku di kawasan kampung yang digambarkan dengan perkataan ‘belukar’, ‘semak’ dan ‘busut’.

4.1.14.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Dalam peristiwa 14, Seman dikatakan ketawa separuh malu apabila dia dan motosikal yang ditungganginya jatuh terbalik. Situasi ‘ketawa separuh malu’ ini tergolong dalam kategori rasa malu. Dalam konteks kajian, Seman sebenarnya merasa sangat gembira kerana berpeluang menunggang motosikal. Oleh itu, dia juga tidak dapat menahan ketawa apabila jatuh terbalik bersama motosikalnya. Namun, dalam tawanya itu dia turut berkongsi emosi malu memandangkan peristiwa tersebut telah disaksikan oleh orang kampung.

4.1.14.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Reaksi Seman yang turut ketawa apabila motor yang ditungganginya jatuh menunjukkan bahawa Seman cuba mengawal perasaan malunya. Pada masa yang sama, dia mahu melindungi air mukanya daripada mendapat malu atau terjejas.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.15 Peristiwa 15

“Pernah Azlan pulang ke kampung?” tanyaku mengenai tunangan Masita. Masita mematikan diri. Dia *kesipuan*, *tunduk* dan kembali meneruskan kerjanya. “Maafkan kak.” “Eh, Kak Long tak salah apa-apa. Cuma...Cuma saya *malu* nak cakapkan pasal tu. Maklumlah!” “Tak mengapalah,” kataku memotong cakupnya. Rasa *kesal* menebal.

(*m.s.*

100)

Dalam peristiwa 15, Munirah berbual dengan Masita mengenai Azlan. Azlan merupakan tunang kepada Masita. Dalam perbualan itu, Munirah ingin mengetahui sama ada Azlan pernah atau tidak pulang ke kampung menemui Masita. Walau bagaimanapun, pertanyaan Munirah itu tidak dijawab oleh Masita. Sebaliknya, dia hanya menundukkan wajah dan meneruskan kerjanya. Kelakuan dingin Masita ini menyebabkan Munirah merasa kesal kerana telah bertanyakan soalan yang mungkin tidak disenangi oleh Masita. Walau bagaimanapun, Masita menjelaskan bahawa pertanyaan Munirah itu tidak ada salahnya cuma dia sahaja yang merasa malu untuk menjawabnya. Hal ini mungkin disebabkan Masita tidak biasa berbicara mengenai lelaki secara terbuka walaupun mengenai tunangnya sendiri. Apatah lagi, dia dibesarkan dalam lingkungan adat dan budaya yang membataskan pergaulan.

4.1.15.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Berbentuk perbualan yang melibatkan Munirah dan Masita. Perbualannya berkisar hal peribadi, iaitu mengenai tunang Masita yang bernama Azlan.

Latar

Perbualan antara Munirah dengan Masita berlaku di dapur seperti mana yang dinyatakan Masita dalam novel di muka surat 99, *“Kak tolong jerangkan air sedikit”*.

Topik

Munirah cuba bertanyakan Masita mengenai tunangnya Azlan namun tidak mendapat balasan. Ini mungkin disebabkan Masita merasa malu. Dalam konteks kajian, gadis Melayu desa dikatakan kurang terbuka dan mudah merasa malu apabila berbicara mengenai jantina yang berbeza.

Bentuk Mesej

Perlakuan Masita yang kesipuan, menundukkan wajah dan membuat kerja seperti biasa itu sebenarnya terkandung mesej yang tersirat. Walaupun dia tidak menyatakannya secara lisan namun melalui gerak-gerinya itu, jelas menunjukkan bahawa dia kurang selesa dan merasa malu dengan soalan itu. Hal ini dinyatakan oleh Masita dalam novel di muka surat 100, *“Eh, Kak Long tak salah apa-apa. Cuma...Cuma saya malu nak cakapkan pasal tu. Maklumlah!”*.

4.1.15.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Masita merupakan gadis desa yang dibesarkan dalam lingkungan masyarakat kampung yang agak tertutup mindanya. Dia juga terikat dengan adat dan tradisi orang Melayu yang mempunyai banyak pantang larang. Ini termasuklah tidak membenarkan anak gadis memberikan pendapat secara terbuka mengenai seks, perkahwinan, lelaki dan sebagainya. Justeru, bukanlah sesuatu yang pelik apabila Masita tidak memberikan reaksi positif apabila ditanya mengenai tunangnya. Perasaan malu yang menguasai Masita pada ketika itu merupakan sebahagian daripada budaya bertingkah laku gadis Melayu yang disyaratkan menjaga tutur kata dan tingkah laku. Hal ini berbeza dengan budaya yang diamalkan oleh Munirah, iaitu berterus-terang dalam perbualan.

4.1.15.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Pertanyaan yang diajukan oleh kakak iparnya telah membuatkan Masita merasa malu. Ini kerana dia tidak biasa bercakap secara terbuka mengenai lelaki walaupun lelaki tersebut adalah tunangnya. Justeru, Masita berusaha melindungi rasa malu tersebut dengan caranya yang tersendiri. Reaksi spontannya, ialah dengan mendiamkan diri dan menundukkan wajah sambil

meneruskan kerjanya. Tindakan yang ditunjukkan oleh Masita ini bagaikan satu isyarat bahawa dia tidak bersedia untuk memberikan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan. Pada masa yang sama, Masita mahu menjaga air mukanya ssesuai dengan kedudukannya sebagai gadis desa yang ‘tahu malu’.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.16 Peristiwa 16

Mereka masih lagi *malu-malu* untuk bangun, atau sekurang-kurangnya memberi jawapan sambil duduk.

“Kak Mah?” tanyaku kepada seorang perempuan yang duduk paling depan. Kak Mah atau Kimah *kesipuan*. Dia *memandang ke kiri dan ke kanannya*. Mukanya yang agak cengkung itu kelihatan sedikit pucat. Akhirnya dia bangun.

(*m.s.*

103)

Dalam peristiwa 16, Munirah telah menganjurkan kelas urusan rumahtangga. Ia bertujuan untuk memberikan pendedahan dan maklumat serta mengenal pasti sejauh manakah tahap pemikiran masyarakat kampung mengenai program perancangan keluarga. Munirah mendapati kebanyakan daripada peserta masih malu untuk berkongsi pengalaman. Reaksi yang ditunjukkan ini menyebabkan Munirah terpaksa mengatur strategi baru, iaitu dengan memberikan analogi atau cerita bagi memudahkan penerangan. Huraian lanjut mengenai hal ini terdapat dalam novel SAGA (2004:102). Dalam konteks kajian, Kak Mah yang merupakan salah seorang peserta kelihatan malu dan kesipuan apabila namanya

dipanggil oleh Munirah. Beliau memandang ke kiri dan ke kanan sebelum bangun dan menjawab soalan Munirah.

4.1.16.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Peristiwa 16 berbentuk penerangan dan perbincangan mengenai program perancangan keluarga oleh Munirah.

Latar

Kelas perancangan keluarga yang dianjurkan oleh Munirah itu dijalankan di dalam bangunan sekolah.

Norma Interpretasi

Peristiwa yang dipaparkan dalam novel SAGA berlatar belakangkan zaman 1970-an. Pada ketika itu, pemikiran masyarakat Melayu dikatakan kurang terbuka terutamanya apabila membincangkan hal-hal yang bersifat peribadi seperti seks, hubungan suami isteri dan perkahwinan. Pada masa yang sama, mereka juga terikat dengan adat dan tradisi yang mempunyai banyak pantang larangnya. Dalam masyarakat Melayu, perbincangan mengenai perkara peribadi tidak boleh dilakukan secara terbuka kerana bimbang akan mengaibkan maruah diri dan keluarga. Oleh itu, laras bahasa kiasan digunakan untuk menyampaikan maksud yang tersirat. Melalui cara ini, interaksi akan berjalan dengan lancar tanpa perlu menyinggung perasaan sesiapa.

4.1.16.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Reaksi malu yang ditunjukkan oleh para peserta kursus tertumpu kepada watak Kak Mah atau Kimah. Beliau merasa malu mungkin kerana soalan yang dikemukakan oleh Munirah itu bersifat peribadi, iaitu berkisar tentang hubungan suami isteri. Selain itu, kehadiran peserta lelaki juga telah menyebabkan Kak Mah tidak selesa untuk berkongsi pengalamannya secara terbuka.

4.1.16.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Pada awalnya, Kak Mah merasa malu untuk menjawab soalan Munirah. Namun dia kemudiannya memberanikan diri untuk menjawab soalan tersebut. Berdasarkan novel SAGA (2004:103), Kak Mah menjawab soalan Munirah dengan menyatakan, “*Anak-anak Pak Mat tu ramai benar.*” Jawapan yang diberikan oleh Kak Mah ini menunjukkan sikapnya yang positif, iaitu sedia berkongsi pandangan dengan orang lain. Selain itu, reaksi yang diberikan oleh Kak Mah ini juga secara tidak langsung dapat memelihara air mukanya daripada terjejas.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.17 Peristiwa 17

Bagaimana Masita pula? Entahlah! Soal utama yang masih menjadi momok ialah, Masita tunangan orang. Masita sendiri pun sudah tidak *segan-segan* denganku. Sesekali dia berani berbual denganku. Pun perbualan itu tidak lama, namun jangka masanya menjadi lebih panjang dari sebelumnya. Aku sendiripun tidak pernah membuang kesempatan yang ada.

(*m.s.*

113)

Hisyam sering memikirkan mengenai Masita. Namun, status Masita sebagai tunangan kepada Azlan telah mengganggu fikirannya. Sedangkan, hubungannya dengan Masita dari sehari ke sehari semakin akrab dan mesra. Masita dikatakan sudah berani berbual dengan Hisyam. Walaupun, perbualan itu tidak lama tetapi jangka masanya adalah lebih panjang berbanding ketika mereka baru berkenalan dahulu. Hisyam pula tidak pernah mensia-siakan peluang yang ada untuk berbual dengan Masita.

4.1.17.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Peristiwa 17 berbentuk luahan perasaan di mana Hisyam merasakan hubungannya dengan Masita semakin mesra dan rapat. Hal ini dapat dilihat apabila keduanya berkongsi cerita, bergelak ketawa dan usik mengusik antara satu sama lain.

Latar

Latar suasana adalah di rumah Rahmat tetapi pengarang tidak menyatakan secara jelas sama ada peristiwa itu berlaku di luar atau di dalam rumah.

4.1.17.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Kebiasaannya, gadis kampung sering ditonjolkan dengan perwatakan yang lemah lembut dan pemalu terutamanya apabila berinteraksi dengan orang yang berbeza jantina. Selain itu, mereka juga mudah merasa segan atau malu apabila berbicara dengan orang yang di luar ikatan kekeluargaannya. Dalam konteks kajian, persepsi ini seakan berubah apabila Masita dikatakan tidak kekok berbual mesra dengan Hisyam yang baru dikenalnya. Hal ini mungkin disebabkan keduanya merasa selesa untuk berinteraksi. Walau bagaimanapun, kemesraan yang ditunjukkan oleh Masita itu masih dalam lingkungan batas-batas tertentu. Dengan kata lain, dia masih mempunyai perasaan malu dan menjaga tingkah lakunya sesuai dengan statusnya sebagai tunangan orang. Hal ini dapat diperhatikan apabila Hisyam menyatakan, *sesekali dia berani berbual denganku* (SAGA, 2004:113). Kenyataan Hisyam ini menggambarkan peribadi Masita yang tahu membataskan pergaulannya supaya tidak dipandang serong oleh orang lain.

4.1.17.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.18 Peristiwa 18

... Masam muka bidan tua itu ketika melihatkan Munirah sudah menolong Fatimah bersalin dengan selamat dan berjaya. Mulanya dia hampir merajuk dan hendak pulang sahaja, tetapi setelah diberi alasan yang logik, dia sanggup menunggu dan terus membuat kerja-kerja yang lazim. Masakan kain-kain darah serta mengurut setiap pagi selama sepuluh pagi itu dapat dibuat orang lain melainkan oleh bidan tua itu. Pun kerana *segan* atau hormatnya dengan ayah Rahmat sebagai ketua kampung dia sanggup memberi pertolongan. Sungguhpun secara kasarnya pertolongan itu tidak berapa diperlukan, demi untuk menjaga kebiasaan, terpaksa prinsip-prinsip bidan tua itu direlakan.

(*m.s. 115*)

Dengan bantuan Munirah, Fatimah telah selamat bersalin. Malangnya, kehadiran Munirah tidak disenangi oleh bidan kampung lalu membuatnya tersinggung dan berjauhan hati. Demi menjaga hati, keluarga Rahmat telah memujuk bidan itu supaya terus membantu kerja-kerja yang biasa dilakukannya, seperti membersihkan kain-kain darah dan mengurut. Pujukan itu berjaya melembutkan hati bidan tersebut. Ini mungkin disebabkan dia merasa hormat dan malu terhadap ayah Rahmat yang merupakan ketua kampung. Bagi Munirah pula, dia tidak memerlukan bantuan daripada bidan kampung itu. Namun, Munirah terpaksa akur dengan norma kehidupan masyarakat yang lazimnya mendapatkan pertolongan daripada bidan kampung.

4.1.18.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 18 berbentuk cerita di mana Hisyam sedang mengelamun mengingatkan kembali peristiwa yang dilalui oleh Munirah semasa menyambut kelahiran anak Fatimah.

Norma Interpretasi

Masyarakat Melayu tradisional sangat berhati-hati dalam tutur kata dan tingkah lakunya supaya tidak menyinggung perasaan orang lain. Mereka juga meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap orang yang mempunyai kemahiran seperti bidan kampung. Lazimnya, orang yang baru lepas bersalin dikehendaki patuh kepada nasihat dan amalan yang disarankan oleh bidan kampung. Keingkaran mematuhi akan memberikan kesan mudarat kepada si ibu dan anak yang dilahirkan. Hal ini menunjukkan bahawa bidan kampung mempunyai peranan penting dalam masyarakat Melayu terutamanya yang melibatkan perubahan tradisional.

4.1.18.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Peristiwa 18 tertumpu kepada watak bidan tua. Beliau merupakan orang lama yang sering diberikan kepercayaan untuk menyambut kelahiran bayi. Walau bagaimanapun, kehadiran Munirah yang memperkenalkan kaedah rawatan moden telah menyebabkan bidan tua merasa kurang senang. Dia dikatakan hampir merajuk dan hendak pulang apabila mendapati Fatimah selamat bersalin dengan bantuan Munirah. Setelah dipujuk keluarga Rahmat, bidan tua itu mengubah

fikirannya. Ini mungkin disebabkan perasaan malu dan rasa hormatnya terhadap ayah Rahmat yang merupakan ketua kampung.

4.1.18.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Reaksi yang ditunjukkan oleh bidan tua jelas menunjukkan peribadinya yang begitu mementingkan air muka, harga diri dan status. Selain itu, dia tidak dapat menerima hakikat bahawa Munirah telah mendahuluinya sekaligus menolong Fatimah untuk melahirkan bayinya. Ibaratnya, dia tewas ditangan seorang anak muda yang masih mentah dan kurang pengalaman. Sebagai bidan kampung yang telah lama memberikan khidmat, dia merasa tercabar lalu berusaha mempertahankan dan melindungi keperluan sendiri. Oleh itu, dia membuat keputusan untuk pulang sahaja dan menyerahkan semua urusan bersalin kepada Munirah. Namun, pujukan dan alasan yang diberikan oleh keluarga Rahmat berjaya melembutkan hatinya. Secara tidak langsung, pujukan dan alasan yang diberikan itu dapat melindungi air mukanya daripada terus terjejas.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

Mengelak

Bidan tua bimbang kehadiran Munirah akan menggugat kedudukannya sebagai bidan kampung yang dihormati oleh masyarakat kampung. Selain itu, perbezaan

pendapat mengenai kaedah rawatan, iaitu antara rawatan moden dan tradisional menambahkan lagi perasaan kurang senang bidan tua terhadap Munirah. Walau bagaimanapun, bidan tua itu cuba mengelak daripada menyatakan perasaannya secara terbuka terhadap Munirah. Sebaliknya, dia lebih banyak menunjuk-nunjuk kerjanya di depan Munirah sebagai tanda sindiran. Hal ini mungkin ada kaitannya dengan norma kehidupan masyarakat Melayu yang gemar menggunakan kiasan dalam menyampaikan maksud yang tersirat.

Obligasi

Munirah didapati bersikap lebih terbuka dan tidak membantah kerja-kerja bidan tua walaupun sebenarnya dia tidak bersetuju. Ini disebabkan Munirah menghormati adat dan amalan yang telah menjadi kebiasaan masyarakat kampung. Hal ini menunjukkan Munirah memilih untuk lebih prihatin dan peka terhadap air muka orang lain berbanding dirinya. Ini termasuklah menjaga air muka keluarga Rahmat, bidan tua dan masyarakat kampung.

Kompromi

Atas dasar hormat dan rasa malunya terhadap ayah Rahmat, bidan tua akhirnya sanggup mengalah dan memberikan pertolongan kepada Fatimah. Dia bersedia membuat kerja-kerja lazim, seperti mencuci kain-kain darah dan mengurus Fatimah setiap pagi. Hal ini menunjukkan adanya sifat tolak ansur dalam diri bidan tua itu sekaligus dapat menyelesaikan masalah yang berlaku. Bagi keluarga Rahmat pula, mereka mahu bersikap adil terhadap bidan kampung dan Munirah supaya tidak ada pihak yang tersinggung. Oleh itu, mereka sangat mengharapkan

kerjasama dan tolak ansur daripada Munirah dan bidan kampung supaya Fatimah mendapat rawatan yang terbaik.

4.1.19 Peristiwa 19

“Jemput makan, Mat, cikgu. Rezeki kau orang berdua nilah. Petang tadi Manaf mengambilnya dari pokok belakang rumah tu. Sebelahnya buruk. Masak betul dah. Nangka bubur ni sedap,” katanya mempelawa kami.

“Terima kasih Long,” kataku.

“Makan, Mat, cikgu, silakan. Jangan *segan-segan*,” sambut Long Nemat pula. Aku mencapai seulas, Hisyam mencapai seulas.

(*m.s.*

132)

Rahmat dan Hisyam bertandang ke rumah Long Nemat untuk berbincang mengenai jalan yang hendak dibuat melalui kawasan tanahnya. Kedatangan mereka berdua disambut dengan baik oleh Long Nemat dan isterinya. Mereka telah dijamu dengan buah nangka. Long Nemat mempelawa Rahmat dan Hisyam supaya tidak merasa malu untuk menjamah buah nangka yang telah dihidangkan itu. Kemesraan yang ditunjukkan oleh pasangan suami isteri itu menyebabkan Rahmat dan Hisyam merasa lebih selesa untuk berbual. Mereka kemudiannya mencapai seulas buah nangka untuk dimakan.

4.1.19.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 19 berbentuk pelawaan. Dalam masyarakat Melayu, tetamu sangat dimuliakan dan mesti dilayani dengan baik. Lazimnya, tuan rumah

akan menjamu tetamunya dengan makanan dan hidangan sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan mereka. Selain itu, ia juga lambang kesopanan orang Melayu dalam bertingkah laku.

Latar

Latar peristiwa berlaku di rumah Long Nemat di mana Rahmat dan Hisyam pergi ke sana untuk berbincang mengenai pembinaan jalan raya.

Norma Interpretasi

Kebiasaannya, tuan rumah akan menghidangkan minuman atau makanan kepada tetamunya sebagai tanda hormat. Hidangan yang disediakan itu merupakan perkara asas yang mesti dilakukan walaupun tetamu hanya dijamukan dengan ‘air kosong’. Ini merupakan sebahagian daripada norma budaya masyarakat Melayu yang sangat memuliakan tetamu. Jika tidak, perbuatan tuan rumah itu akan dianggap sebagai kasar dan tidak sopan.

4.1.19.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Orang yang bertandang ke rumah orang lain perlu menjaga tutur kata dan tingkah lakunya supaya tidak dianggap kurang sopan. Ini termasuklah mematuhi adab ketika menjamu hidangan yang disediakan oleh tuan rumah. Kebiasaannya, tetamu akan menunggu pelawaan daripada tuan rumah sebelum boleh menikmati hidangan yang disediakan. Hal ini melambangkan budi pekerti orang Melayu yang halus, tidak gelojoh dan menghormati tuan rumah. Dalam konteks kajian,

Rahmat dan Hisyam juga merasa segan dan malu untuk menjamah hidangan yang disediakan. Namun, pelawaan daripada Long Nemat dapat mengurangkan perasaan tersebut. Ini dapat dilihat apabila, Rahmat dan Hisyam terus mencapai seulas angka sebaik sahaja Long Nemat mempelawa mereka makan.

4.1.19.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.20 Peristiwa 20

Astagfirallah, habis ayahku dah tahu ke belum?” tanyaku gundah.
“Entahlah, aku yakin dia belum tahu, pun orang di hulu ni belum tahu agaknya. Pak Dagang nasihatkan ***jangan heboh-heboh, memalukan***. Ada tidak, akulah yang dulu tahu ni,” sambung Seman lagi. Merenung lebih menikam lagi.

(*m.s.*

139)

Seman memberitahu Rahmat bahawa Lijah telah dinodai oleh tunangnya Jalil. Rahmat merasa sangat terkejut dan bimbang jika berita buruk itu sampai ke pengetahuan bapanya. Namun, Seman menjelaskan bahawa berita itu masih

belum diketahui oleh orang lain. Ini kerana, Pak Dagang telah menasihatkannya supaya tidak menghebohkan peristiwa yang mengaibkan itu kepada orang kampung. Ia bertujuan untuk menjaga maruah dan air muka keluarga kedua-dua belah pihak.

4.1.20.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 20 berbentuk perbualan. Perkara yang dibualkan bersifat peribadi kerana ia menyentuh persoalan harga diri dan maruah orang Melayu terutamanya keluarga Lijah.

Latar

Perbualan antara Rahmat dan Seman berlaku di rumah keluarga Rahmat. Latar masa adalah di waktu pagi.

Topik

Masyarakat Melayu tradisional sangat berhati-hati apabila membincangkan perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan harga diri. Lazimnya, perbincangan akan dilakukan secara tertutup dan hanya melibatkan anggota keluarga terdekat sahaja. Seterusnya, perkara itu akan dirahsiakan daripada pengetahuan orang luar supaya ia tidak menjadi perbualan dan menjatuhkan individu terbabit. Dalam konteks kajian, peristiwa Lijah dinodai oleh Jalil adalah sangat mengaibkan. Oleh itu, keluarga kedua-dua belah pihak cuba menyembunyikan peristiwa tersebut

daripada diketahui oleh masyarakat kampung. Ini kerana mereka tidak mahu dipandang hina dan disisihkan oleh masyarakat kampung yang berpegang kuat kepada adat dan budaya.

4.1.20.2 Subkonsep Malu

Memalukan

Berita mengenai Lijah yang telah dinodai oleh Seman adalah sangat memalukan. Ia bukan sahaja merosakkan maruah Lijah tetapi juga mengaibkan nama baik ibu bapa dan keluarganya. Oleh itu, ahli keluarga Lijah cuba untuk merahsiakannya daripada pengetahuan masyarakat kampung. Mereka sedar, masyarakat kampung pasti memandang serong dan tidak dapat menerima berita yang boleh menjatuhkan imej kelompok masyarakatnya. Bagi mereka, orang Melayu yang telah mencemarkan maruah keluarga dianggap sebagai individu yang tidak tahu malu dan hanya memalukan bangsa Melayu. Hal ini bertepatan dengan peribahasa, *“biar mati anak, jangan mati adat”*. Maknanya, adat dan tradisi merupakan warisan budaya yang perlu dihormati dan dipertahankan. Kegagalan mematuhiinya, boleh menyebabkan individu tersebut tidak diperlukan lagi untuk berada bersama-sama kelompok masyarakat setempatnya.

4.1.20.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan kerana peristiwa 20 hanyalah perbualan antara Rahmat dan Seman sahaja.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.21 Peristiwa 21

Pak Ngah Baki yang kulihat pertama kalinya dulu jauh berbeza. Dia tidak lagi begitu mesra atau begitu mudah untuk berbual. Kedapatan sesuatu yang tawar dalam percakapannya dan gerak-gerinya. Mungkin dia *malu* dan *kesal* akan tindakannya baru-baru ini bersangkutan dengan jawatan ketua kampung yang disandang oleh Utih Rahman itu. Secara tidak langsung, dia terlibat dalam usaha untuk menyingkirkan Utih Rahman daripada memegang jawatan itu seterusnya. Dengar cerita, dia tidak pernah bercakap dengan ayah Rahmat lagi sejak peristiwa itu. Entah kerana marah, entah kerana *segan*.

(*m.s.*

146)

Rahmat dan Hisyam telah pergi ke rumah Pak Ngah Baki untuk bertemu dengannya. Dalam pertemuan itu, Rahmat menyedari perubahan tingkah laku Pak Ngah Baki. Dia kelihatan kurang mesra dan tidak banyak berbual seperti mana kebiasaannya. Rahmat beranggapan perubahan sikap itu mungkin ada kaitannya dengan tindakan Pak Ngah Baki yang berusaha menyingkirkan ayahnya daripada jawatan ketua kampung. Walau bagaimanapun, usahanya itu tidak berjaya. Oleh itu, Pak Ngah Baki mungkin merasa malu dan kesal di atas perbuatannya itu. Semenjak peristiwa itu juga, Pak Ngah Baki tidak pernah bertegur sapa dengan ayahnya.

4.1.21.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre berbentuk perbualan dan perbincangan. Rahmat dan Hisyam telah berjumpa dengan Pak Ngah Baki untuk berbincang mengenai pembinaan jalan baru.

Latar

Peristiwa komunikasi berlaku di rumah Pak Ngah Baki

4.1.21.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Pak Ngah Baki dikatakan merasa malu dan kesal dengan perbuatannya sendiri, iaitu cuba menyingkirkan Utih Rahman daripada memegang jawatan ketua kampung. Tindakan Pak Ngah Baki itu menunjukkan sifat negatif yang ada dalam dirinya sehinggakan tergamak untuk menjatuhkan orang lain. Namun usahanya itu tidak berhasil. Akibatnya, dia dihambat perasaan malu sehinggakan cuba menghindarkan diri jauh dari kelompoknya.

4.1.21.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Beri Muka

Pak Ngah Baki merasa kesal dan malu di atas perbuatannya yang tidak bertanggungjawab terhadap Utih Rahman. Oleh itu, beliau membuat keputusan untuk menyokong cadangan membina jalan baru dan sedia berunding jika berlaku sebarang masalah. Tindakan Pak Ngah Baki ini secara tidak langsung

menunjukkan bahawa dia cuba menebus semula kesalahannya terhadap ayah Rahmat dengan membenarkan Rahmat membina jalan di atas tanahnya. Keputusan Pak Ngah Baki ini sememangnya membawa banyak manfaat kepada masyarakat kampung.

Gaya Pengurusan Konflik

Kompromi (Compromising)

Akhirnya, Pak Ngah Baki bersetuju dengan cadangan Rahmat untuk membina jalan baru. Bahkan, dia tidak kisah jika Rahmat hendak mengubah hala jalan itu walaupun ia akan melibatkan tanahnya. Pendirian Pak Ngah Baki ini menunjukkan sikap bertolak ansur dalam menyelesaikan masalah dan bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh kumpulan demi kebaikan bersama. Hal ini dinyatakan dalam novel SAGA di muka surat 146, “...*Tetapi kalau kau fikir baik pula melalui tanah aku. Aku tak akan menentang, malahan aku sungguh-sungguh, bersetuju dan berterima kasih,*” ujar Pak Ngah Baki panjang lebar.

4.1.22 Peristiwa 22

Muncul Mak Ngah Saeram membawa air.
“Jemput minum, Mat, cikgu, silakan, jangan *segan-segan*,” katanya sambil meletakkan dulang air itu di meja. Dia kemudiannya masuk kembali.
(m.s. 147)

Pak Ngah Baki telah menyambut kedatangan Rahmat dan Hisyam dengan baik. Mereka berdua telah dihidangkan dengan minuman oleh Mak Ngah Saeram.

Namun, Mak Ngah Saeram tidak duduk bersama sebaliknya dia terus masuk ke dalam rumah setelah mempelawa mereka minum.

4.1.22.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre berbentuk pelawaan. Sebagai tetamu, Rahmat dan Hisyam tetap dihormati walaupun hubungan mereka dengan suaminya agak dingin. Dalam hal ini, Rahmat dan Hisyam telah dipelawa minum oleh Mak Ngah Saeram.

Latar

Peristiwa komunikasi berlaku di rumah Pak Ngah Baki.

Norma Interpretasi

Kebiasaannya, tuan rumah akan menghidangkan minuman dan makanan sebagai tanda mengalu-alukan kehadiran tetamu. Selain itu, tetamu juga akan diberikan layanan dengan sebaik mungkin. Hal ini melambangkan ketinggian budi pekerti orang Melayu semasa berinteraksi dengan orang lain.

4.1.22.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Mak Ngah Saeram mempelawa Rahmat dan Hisyam untuk menjamu air yang telah disediakan. Pelawaan tersebut melambangkan rasa hormat tuan rumah terhadap tetamunya sekaligus dapat mengurangkan rasa malu tetamu untuk menikmati hidangan yang disediakan.

4.1.22.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.23 Peristiwa 23

... Lijah dituduh telah bermukah dengan orang lain (tidak dicakapkannya siapa) sehingga Lijah mengandung dua bulan (sebelum keguguran itu). Lijah sudah dipandang begitu *hina, sehina najis*. Tuhmahan yang tidak bersimpati langsung menjadi sirih-pinang keluarga mara Jalil, lebih-lebih lagi Saarah. Padanya Jalillah yang baik, yang benar. Lijah anak dara yang tak tahu *malu* yang sanggup melakukan perzinahan dengan orang lain.

(*m.s.*

150)

Peristiwa 23 mengisahkan Hisyam sedang memikirkan nasib Lijah yang dituduh berkelakuan sumbang dengan orang lain sehingga mengandung dua bulan tetapi malangnya dia keguguran. Peristiwa yang mengaibkan ini telah memberi tamparan yang cukup hebat kepada Lijah dan keluarganya. Tunangnya Jalil dan ibunya Saarah pula tidak menunjukkan rasa simpati sebaliknya telah menyebarkan pelbagai fitnah yang mengaibkan lagi diri Lijah. Hakikatnya, Jalillah orang yang telah merosakkan Lijah. Kaum keluarga Lijah yang lain pula dikatakan turut sama memandang hina terhadap Lijah dan keluarganya. Situasi ini

menyebabkan Lijah menanggung malu kerana dipandang begitu hina oleh masyarakat kampung.

4.1.23.1 **Komponen-komponen Komunikasi**

Genre

Peristiwa 23 memaparkan masalah sosial, iaitu mengenai Lijah yang telah dinodai oleh Jalil sehingga mengandung dua bulan. Perbuatan Lijah dan pasangannya itu amat mengaibkan kerana ia melibatkan persoalan maruah dan harga diri orang Melayu secara keseluruhannya.

4.1.23.2 **Subkonsep Malu**

Rasa Malu

Peristiwa mengandungkan anak luar nikah telah menyebabkan Lijah merasa malu dengan kebodohan dan kejahilan dirinya yang sanggup menyerahkan diri kepada Jalil. Akibat kealpaannya itu, nama baik keluarganya turut tercemar dan dipandang hina oleh masyarakat kampung.

Di beri Malu

Perbuatan Jalil dan ibunya yang menuduh Lijah melakukan zina dengan orang lain telah menambahkan lagi penderitaan Lijah. Dengan kata lain, Lijah telah diberi malu sehingga dia dipandang sehina najis. Perbuatan Jalil dan ibunya itu sungguh keji dan menjijikkan kerana mereka tidak mahu mengakui kesalahan

sendiri. Sedangkan, Jalillah yang harus dipersalahkan kerana telah menyebabkan Lijah mengandung.

Mendapat Malu

Pelbagai fitnah telah dilemparkan oleh Jalil sehingga Lijah mendapat malu yang lebih besar. Masyarakat kampung memandang Lijah sebagai manusia yang hina dan keji. Dalam hubungan ini, Lijah telah kehilangan maruah dan harga diri. Selain itu, dia turut tertekan dan merasa sedih kerana bayi yang dikandungnya keguguran. Emosi Lijah yang tidak stabil ini menyebabkan dia merasakan dirinya sudah tidak berguna lagi. Lijah terlalu tertekan sehingga gagal mengawal diri lalu bertindak menamatkan hidupnya dengan terjun ke dalam sungai. Namun, dia bernasib baik kerana sempat diselamatkan oleh Seman dan Long Atan yang kebetulan berada di situ. Hal ini dinyatakan dalam Novel SAGA (muka surat 154) seperti berikut:

“Alah cikgu ni. Tak ada apa-apalah. Yang mustahaknya, malam tadi, Lijah cuba terjun sungai.”

Memalukan

Perbuatan Lijah yang berzina dengan Jalil sehingga mengandung adalah sangat memalukan. Perbuatan tersebut dikutuk oleh agama dan mencemarkan institusi sosial bangsa Melayu. Selain itu, Lijah juga telah ‘menconteng arang’ ke muka ibu bapanya sedangkan ibu bapalah yang sering mengingatkan anak-anaknya supaya sentiasa menjaga tingkah laku. Akibat kealpaan sendiri, ibu bapa turut sama menanggung aib.

4.1.23.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan kerana peristiwa 23 merupakan penceritaan semula oleh Hisyam mengenai Lijah.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.24 Peristiwa 24

Apa aku peduli. Kalau Rahmat mencabar, aku tak *silu-silu* menerima cabarannya ketika itu. Aku tak takut. Dia ahli judo pemegang tali pinggang Hitam dan yang Kelima, seperti aku juga. Kami belajar karate satu guru dan menuntut pencak silat dengan guru yang sama juga. Tetapi belum ada satu konfrontasi yang langsung atau rasmi antara kami, jadi tidaklah dapat ditentukan siapa yang jaguh di antara kami.

(m.s.

152)

Kemarahan Hisyam terhadap Jalil semakin memuncak terutamanya apabila melihatkan aksi Jalil yang keterlaluan ketika membonceng motosikal di luar bangunan sekolah. Rahmat meminta Hisyam supaya bersabar dan mengawal dirinya kerana dia yakin Jalil akan mengalah juga satu hari nanti. Saranan Rahmat itu tidak dipersetujui oleh Hisyam. Dia berpendapat, Jalil perlu diajar supaya tahu menghormati hak orang lain. Oleh itu, dia tidak teragak-agak untuk bertindak kasar ke atas Jalil. Perbezaan pendapat antara Rahmat dan Hisyam ini telah

mencetuskan ketegangan. Bagi Hisyam, dia tidak akan teragak-agak untuk menentang Rahmat jika dirinya dicabar. Baginya, kalah dan menang tidak menjadi persoalan kerana masing-masing belum pernah diuji. Apatah lagi, dia dan Rahmat sama-sama mempelajari judo dan silat daripada guru yang sama.

4.1.24.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Rahmat dan Hisham sedang berbincang mengenai tingkah laku Jalil yang tidak tahu menghormati orang lain.

4.1.24.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Perbualan antara Hisyam dengan Rahmat menjadi semakin tegang apabila Hisyam tidak dapat mengawal perasaan marahnya terhadap Jalil. Bagi Hisyam, Jalil seorang yang ego dan sombong. Oleh itu, dia perlu diajar supaya tahu menghormati hak orang lain. Walau bagaimanapun, Rahmat tidak bersetuju dengan pandangan Hisyam itu. Alasannya, kaum keluarga Jalil merupakan orang yang berpengaruh dan berketurunan pendekar. Oleh itu, Hisyam mesti berhati-hati dengan tindakannya. Nasihat yang diberikan oleh Rahmat itu telah menyinggung perasaan Hisyam. Dia beranggapan Rahmat cuba memperkecilkan kemampuannya sedangkan dia juga berketurunan pendekar. Hal ini menyebabkan Hisyam merasa malu pada dirinya kerana telah dipandang rendah oleh Rahmat.

Justeru, dia sanggup berlawan dengan Rahmat jika dirinya dicabar tetapi tidak akan sekali-kali menyerah kalah.

4.1.24.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Apabila isu Jalil dibincangkan, tingkah laku Hisyam menjadi lebih agresif berbanding Rahmat. Perasaan marahnya terhadap Jalil telah menyebabkan Hisyam sanggup berlawan dengan sahabat sendiri. Ini disebabkan Hisyam merasa tercabar dengan kata-kata Rahmat yang seolah-olah memandang rendah terhadap kemampuannya. Secara tidak langsung, sikap dan tindakan Hisyam ini menunjukkan imej dalaman dirinya yang berani dan tegas terutamanya apabila menyentuh soal prinsip, maruah dan keturunan. Dia sanggup mempertahankan dan melindungi keperluannya sehingga ke titisan darah yang terakhir. Selain itu, Hisyam juga merupakan seorang lelaki yang mementingkan air muka sendiri berbanding air muka orang lain. Baginya, menjaga air muka adalah penting kerana ia lambang kehormatan dan harga diri. Demi memenuhi tuntutan air mukanya, Hisyam rela kehilangan sahabat baiknya. Hal ini dinyatakan seperti di muka surat sebelah:

“...Walau apa jadi pun aku tak kira. Aku lupa semuanya ketika itu. Lupa akan Rahmat sahabatku yang paling erat. Lupakan Munirah bekas kekasihku yang masih kucintai. Lupakan Masita yang sudah mulai jinak bermesra denganku. Lupakan Salwa yang begitu murah memberi senyum manis dan jelingan mesra kepadaku. Lupakan ibu dan ayah Rahmat yang begitu baik kepadaku.”

Gaya Pengurusan Konflik

Dominasi (Dominating)

Konflik yang dihadapi oleh Hisyam ditangani dengan gaya dominasi. Hal ini dapat dilihat apabila Hisyam tetap dengan pendiriannya bahawa tindakan keras perlu diambil terhadap Jalil. Lazimnya, gaya pengurusan dominasi digunakan dalam budaya konteks rendah (Barat) berbanding budaya konteks tinggi (Timur). Ini kerana ia sering dikaitkan dengan perwatakan yang keras dan tegas ketika membuat keputusan seperti yang diamalkan dalam budaya Barat. Orang Timur pula dikatakan memiliki kelembutan dan kesantunan yang tinggi serta berhemah dalam menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, peristiwa 24 menggambarkan keadaan sebaliknya. Hisyam tidak mahu mengalah terhadap Rahmat hingga sanggup berlawan dengannya. Pendirian Hisyam ini dikaitkan dengan faktor harga diri dan keturunan yang amat dititikberatkan oleh orang Melayu. Bahkan, orang Melayu sanggup berjuang sehingga ke titisan darah yang terakhir semata-mata mahu mempertahankan harga diri, keluarga dan keturunan. Mereka percaya, tindakan ini adalah lebih bermaruah daripada menyerah kalah sebelum berjuang.

4.1.25

Peristiwa 25

“Entahlah. Malam tadi Long Atan tak beri sesiapa tahu. Buat ribut tak pasal-pasal menambahkan <i>malu</i> ,” sambung Seman. Ini semuanya Jalil keparat punya
--

pasal. Budak macam tu, biar *mampus* aja lagi baik,” kata Rahmat *geram*.
“Aku fikir Lijah tu sudah terganggu pemikirannya. Kalau kita mahukan dia
selamat atau sekurang-kurangnya dia mesti dikahwinkan, ” cadangku.

(*m.s.*

155)

Seman memberitahu Rahmat dan Hisyam bahawa Lijah cuba membunuh diri dengan terjun ke dalam sungai. Walau bagaimanapun, Lijah sempat diselamatkan oleh Seman dan Long Atan yang sedang menjala udang di kawasan itu. Kejadian yang memalukan ini cuba disembunyikan daripada pengetahuan masyarakat kampung kerana bimbang akan memalukan lagi keluarga Lijah. Berita yang disampaikan oleh Seman itu telah menyebabkan Rahmat menjadi sangat marah dan geram terhadap Jalil. Baginya, Jalil merupakan punca kepada semua masalah yang berlaku. Oleh itu, adalah lebih baik jika Jalil mati sahaja daripada hidup menyusahkan orang lain. Hisyam pula mencadangkan agar Lijah segera dikahwinkan jika tidak mahu pemikirannya terus terganggu dan hidup dalam tekanan.

4.1.25.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Ia berbentuk perbualan dan perbincangan. Seman, Rahmat dan Hisyam sedang berbincang mengenai Lijah yang cuba membunuh diri kerana tidak tahan menghadapi tekanan. Mereka cuba memikirkan cara yang terbaik untuk membantu Lijah bagi menangani emosinya yang tidak menentu itu.

Latar

Perbualan antara Seman, Rahmat dan Hisyam berlaku di bawah bangsal yang besar seperti mana dinyatakan dalam novel SAGA di muka surat 154, “*Kami bertiga duduk di atas timbunan papan yang bersusun rapi di bawah bangsal yang besar*”.

Topik

Berdasarkan peristiwa 25, perbincangan mengenai Lijah yang cuba membunuh diri dilakukan secara tertutup, iaitu melibatkan orang-orang tertentu sahaja. Ini kerana perbuatan membunuh diri adalah dikutuk oleh agama dan dipandang hina oleh masyarakat. Oleh itu, peristiwa tersebut akan disembunyikan daripada pengetahuan orang lain supaya tidak memalukan keluarga Lijah.

4.1.25.2 Subkonsep Malu

Memalukan

Peristiwa Lijah yang mengandungkan anak luar nikah telah memalukan Lijah dan keluarganya sehingga dipandang hina oleh masyarakat. Oleh kerana tidak sanggup menanggung malu, Lijah nekad menamatkan hidupnya dengan terjun ke dalam sungai. Walau bagaimanapun, Lijah sempat diselamatkan oleh Seman dan Long Atan. Tindakan Lijah yang cuba membunuh diri itu menunjukkan bahawa dia tidak lagi dapat mengawal emosinya. Walau bagaimanapun, peristiwa itu cuba dirahsiakan daripada pengetahuan masyarakat kampung supaya Lijah dan keluarganya tidak dipandang lebih hina. Seharusnya, Lijah memperbaiki kesilapannya agar dia menjadi manusia yang lebih baik dan bukannya menambah lagi kesilapan yang ada.

4.1.25.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan kerana peristiwa 25 merupakan sesi perbincangan yang melibatkan Seman, Rahmat dan Hisyam mengenai diri Lijah.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.26 Peristiwa 26

Perkhabaran tentang hasrat Seman rupanya tidak disimpan lama. Dua hari setelah kami pulang dari Gemas tu, sudah sibuk diperkatakan orang. Reaksi yang kedengaran, serupa jugalah reaksi yang pernah melanda ketika peristiwa Lijah-Jalil sebelumnya. Tidak ada yang satu pendapat. Keluarga Seman sendiri menyambut dengan hati yang berbelah bagi. Bapanya, Utih Latih yang pendiam itu tidak banyak bicaranya. Biar siapa yang dipilihnya, terpulanglah. Emaknya, Utih Limah sedikit dingin. Apakah yang lebih *memalukan* selain daripada berkahwin dengan gadis yang tidak gadis lagi, putus tunang pulak. Apakah yang lebih *malu* daripada mendapat menantu sisa orang. Biar janda sepuluh kali.

(*m.s.*

157)

Seman telah memberitahu keluarganya bahawa dia ingin melamar Lijah sebagai isterinya. Namun, niat suci Seman itu tidak mendapat sokongan penuh daripada keluarganya. Ini kerana Lijah bukan sahaja pernah putus tunang tetapi telah terlanjur bersama Jalil sehingga mengandung dua bulan. Oleh itu,

masyarakat kampung menganggap keputusan Seman untuk berkahwin dengan Lijah adalah kurang tepat. Manakala, keluarga Seman terutama ibunya menerima keputusan itu dengan perasaan berat hati. Sebagai ibu, dia tentu inginkan calon menantu yang terbaik untuk anaknya. Ibunya, lebih rela Seman mengahwini seorang janda daripada hidup menanggung malu dengan bermenentukan Lijah. Walau bagaimanapun, ayahnya Utih Latih tidak mahu campur tangan dalam urusan perkahwinan anaknya itu. Dia bersedia menerima sesiapa sahaja sebagai menantu jika itulah yang ditakdirkan jodoh buat Seman.

4.1.26.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Perbincangan dalam keluarga. Keputusan Seman untuk mengahwini Lijah tidak mendapat sokongan keluarganya. Hal ini disebabkan peristiwa hitam yang pernah berlaku dalam hidup Lijah. Namun, Seman tetap nekad dengan keputusannya untuk melamar Lijah.

Bentuk Mesej

Reaksi dingin yang ditunjukkan oleh Utih Limah memberikan mesej bahawa dia sebenarnya tidak bersetuju dengan keputusan Seman untuk mengahwini Lijah.

4.1.26.2 Subkonsep Malu

Memalukan

Keputusan Seman untuk melamar Lijah telah menimbulkan ketegangan dalam keluarganya. Masyarakat kampung memandang hina terhadap Lijah dan

melabelkannya sebagai gadis kampung yang rosak akhlaknya. Dalam hubungan ini, emaknya Utih Limah dikatakan bersikap dingin terhadap keputusan Seman. Walaupun, dia tidak membantah secara terang-terangan, namun Utih Limah tetap mengharapkan agar Seman tidak mengahwini Lijah. Dia sedar, masyarakat pasti memandang hina pada anak dan keluarganya jika rancangan perkahwinan Seman dan Lijah itu diteruskan.

4.1.26.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Utih Limah, iaitu ibu Seman bersikap dingin apabila mendapat tahu anaknya itu ingin mengahwini Lijah. Reaksi ini menunjukkan bahawa Utih Limah tidak bersetuju dengan pilihan anaknya itu. Dalam hal ini, Utih Limah juga ingin mempertahankan dan melindungi air mukanya daripada cacian dan hinaan masyarakat kampung. Justeru, dia tidak menyambut baik keputusan Seman sebaliknya bersikap dingin. Melalui cara ini, Utih Limah secara tidak langsung dapat melahirkan rasa tidak puas hatinya. Malah, dia berpeluang untuk menjaga air mukanya daripada terjejas.

Gaya Pengurusan Konflik

Integrasi

Walaupun keluarga Seman sedang berhadapan dengan konflik yang hebat namun konflik tersebut dapat ditangani dengan baik. Misalnya, ayah Seman tidak

menghalang niat anaknya untuk mengahwini Lijah kerana menghormati pilihan Seman. Ibunya, Utih Limah juga tidak menghalang perkahwinan anaknya itu secara terang-terangan walaupun hakikatnya dia tidak bersetuju. Ini bermakna, Seman diberikan hak dan kebebasan untuk menentukan masa depannya. Melalui gaya integrasi, konflik yang berlaku dapat ditangani dengan baik sekaligus memupuk keharmonian dalam keluarga.

4.1.27 Peristiwa 27

Jalil tidak meneruskan perjalanan ke hilir. Dia berpatah balik dengan jeritan enjin motornya bertambah meninggi. Dia sempat pula menjerit satu perkataan yang *malu* untukku katakan. Perkataan benda yang dia sendiri memilikinya. Munirah kaget mendengarnya. Aku berpaling lekas-lekas sebelum kami bertentangan pandang.

(*m.s.*

162)

Sikap Jalil yang tidak tahu menghormati perasaan orang lain menyebabkan Hisyam bertambah benci terhadapnya. Malah, Jalil sengaja membawa motor dengan deruman enjin yang kuat dan melintasi jalan raya di hadapan sekolah. Hal ini memperlihatkan sikapnya yang tidak pernah rasa bersalah atau malu dengan perbuatannya itu. Pada masa yang sama, Jalil juga tanpa rasa malu telah menjerit perkataan lucah terhadap Hisyam yang turut didengari oleh Munirah. Ini menyebabkan Hisyam merasa malu terhadap Munirah kerana perkataan lucah yang disebut oleh Jalil itu berkaitan dengan organ seks lelakinya. Perbuatan Jalil ini menunjukkan dia seorang lelaki yang tidak tahu malu dan rosak akhlaknya.

4.1.27.1 Komponen-komponen Komunikasi

Latar

Peristiwa 27 berlaku di luar kawasan sekolah, iaitu ketika Hisyam sedang berada di dalam kelas bersama murid-muridnya.

Norma Interpretasi

Orang Melayu terkenal dengan jati dirinya yang lemah lembut dan bersopan santun. Oleh itu, mereka sangat menjaga tutur kata dan tingkah laku supaya tidak melanggar norma-norma kehidupan masyarakat. Ini termasuklah mempertahankan aspek kesantunan berbahasa supaya kata-kata yang diucapkan tidak kasar dan menyinggung perasaan sesiapa. Dalam hubungan ini, perbuatan Jalil yang menuturkan perkataan lucah terhadap Hisyam dianggap sebagai perbuatan yang biadab. Malah, dia telah melanggar norma peradaban Melayu yang melabelkan perkataan-perkataan lucah dan mencarut sebagai tabu atau larangan untuk diucapkan sesuka hati.

4.1.27.2 Subkonsep Malu

Diberi Malu

Jalil telah menjerit perkataan lucah terhadap Hisyam di hadapan Munirah. Perbuatan Jalil ini sebenarnya bertujuan untuk memberi malu dan mencabar

Hisyam supaya bertindak langsung terhadapnya. Jika Hisyam bertindak, Jalil akan merasa sangat puas kerana dia berjaya membangkitkan kemarahan Hisyam.

Mendapat Malu

Perkataan lucah yang dijeritkan oleh Jalil telah menyebabkan Hisyam mendapat malu. Apatah lagi peristiwa itu berlaku di hadapan Munirah. Walau bagaimanapun, Hisyam berusaha mengawal perasaan marahnya terhadap Jalil.

4.1.27.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Perkataan lucah yang dijeritkan oleh Jalil telah menyebabkan Hisyam mendapat malu. Secara spontan, Hisyam terus berpaling ke arah lain kerana dia tidak mahu bertentangan mata dengan Munirah yang turut sama mendengar perkataan tersebut. Reaksi yang ditunjukkan oleh Hisyam ini merupakan sebahagian daripada tindakannya yang hendak melindungi air mukanya daripada terjejas.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.28 Peristiwa 28

“Kau ingat Pak Ngah Baki tu bodoh? Hey, dia sedang menyaksikan peristiwa itu dari jauh. Tetapi apabila dia terpdandangan kehandalanmu, dia menunjukkan dirinya. Tentulah sesuatu yang *memalukan* sekiranya kau dapat menewaskan mereka berdua. Pandangan Pak Ngah Baki adalah pandangan pahlawan. Dan dalam gerak-gerimu telah diketahuinya gerak-geri perwira. Untuk membiarkan

anak buahnya tewas adalah sesuatu yang mustahil, dan untuk masuk campur juga adalah tidak wajar,” tambah Rahmat separuh memuji dan separuh nasihat.

(*m.s.*

168)

Peristiwa 28 bermula apabila Pak Ngah Baki menyaksikan pertarungan yang berlaku di antara Hisyam dengan Jalil dan Rauf. Ketika mereka sedang bertarung, tiba-tiba muncul Pak Ngah Baki meleraikan pergaduhan tersebut. Pada pandangan Rahmat, Pak Ngah Baki bukanlah benar-benar ikhlas ingin membantu meleraikan mereka tetapi ada sebab mengapa dia terpaksa campur tangan. Hakikatnya, Pak Ngah Baki sedar akan kehandalan dan kehebatan Hisyam dalam pertarungan tiga penjuru itu. Dalam hal ini, tidak mustahil Rauf dan Jalil akan tewas di tangan Hisyam. Oleh itu, Pak Ngah Baki merasakan dia perlu menyelamatkan maruah anak-anak buahnya itu sebelum Hisyam menewaskan mereka. Jika Jalil dan Rauf tewas, Pak Ngah Baki turut terkena tempiasnya sekaligus akan memalukan dirinya. Justeru, Pak Ngah Baki memilih jalan yang paling selamat, iaitu meleraikan pergaduhan tersebut sebelum Hisyam memenangnya. Melalui cara ini, kekuatan Hisyam tidak dapat dibuktikan. Hal inilah yang cuba dijelaskan oleh Rahmat kepada Hisyam supaya dia sedar niat sebenar Pak Ngah Baki.

4.1.28.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 28 berbentuk perbincangan. Rahmat memberitahu Hisyam bahawa dia tidak yakin dengan keikhlasan Pak Ngah Baki ketika membantu meleraikan pergaduhan.

Latar

Pergaduhan itu berlaku di dalam kawasan sekolah seperti mana yang dinyatakan dalam novel SAGA dimuka surat 163, *“Jalil dengan motornya menghampiri bangunan sekolah. Di belakangnya Rauf membonceng”*.

4.1.28.2 Subkonsep Malu

Memalukan

Pak Ngah Baki mendapati Hisyam lebih pantas dan hebat beraksi dalam gelanggang berbanding Jalil dan Rauf. Ini menyebabkan Pak Ngah Baki berusaha meleraikan pergaduhan itu kerana bimbang Jalil dan Rauf akan tewas. Sebagai seorang pendekar, Pak Ngah Baki sangat disegani oleh masyarakat kampung. Oleh itu, dia perlu menjaga nama baiknya supaya tidak tercemar. Dalam hubungan ini, kehebatan Pak Ngah Baki pasti akan dipertikaikan oleh masyarakat kampung jika Jalil dan Rauf tewas ditangan Hisyam. Ini kerana kedua-duanya merupakan pengikut Pak Ngah Baki. Seterusnya, peristiwa itu akan memalukan dirinya sendiri.

4.1.28.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Tuntutan Air Muka

Pak Ngah Baki tidak mahu melihat Jalil dan Rauf tewas di tangan Hisyam kerana kekalahan mereka itu boleh menjejaskan nama baiknya. Selain itu, tindakan Pak Ngah Baki yang meleraikan pergaduhan menunjukkan bahawa dia cuba mempertahankan dan melindungi keperluan peribadinya. Ini bermakna, Pak Ngah Baki seorang yang sangat mementingkan air muka sendiri berbanding menjaga air muka orang lain.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.29 Peristiwa 29

“Betul Ma boleh menyanyi?” tanyaku ikhlas. Masita menggelengkan kepalanya. “Agh, Kak Lang bohong. Dia tu *segan*.” “Cuba, Ma, mahu?” Menggeleng lagi.

(*m.s.*

178)

Dalam suasana yang santai, Munirah menggesekkan biolanya. Dia kemudiannya dimaklumkan oleh adik iparnya Hamilah bahawa Masita boleh menyanyi dengan baik. Walau bagaimanapun, Masita menafikannya kerana dia merasa malu untuk mengakui kebolehannya itu. Namun, Munirah cuba memberikan peluang dan semangat kepada Masita untuk menyanyi.

4.1.29.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Munirah berbual dengan Masita mengenai bakatnya dalam bidang nyanyian.

Latar

Peristiwa 29 berlaku di dalam rumah keluarga Rahmat.

Bentuk Mesej

Masita memberikan tindak balas melalui pergerakan fizikal, iaitu dengan menggelengkan kepala sebagai reaksi kepada pertanyaan Munirah. Dengan kata lain, Masita menolak pelawaan Munirah untuk menyanyi bersama-sama dengannya.

Norma Interpretasi

Aspek kesantunan berbahasa merupakan sebahagian daripada cara hidup orang Melayu. Dalam hubungan ini, sikap Masita yang tidak mahu mengakui kebolehannya bolehlah dikaitkan dengan sifat merendah diri yang menebal dalam jiwa orang Melayu. Selain itu, orang Melayu dikatakan tidak suka dengan perbuatan 'mengangkat diri' kerana ia melambangkan keangkuhan dan kekasaran budi pekerti. Reaksi awal yang ditunjukkan oleh Masita ini mungkin disebabkan didikan dan asuhan yang diterima daripada ibu bapanya sejak kecil lagi.

4.1.29.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Masita merasakan dirinya serba kekurangan berbanding kakak iparnya Munirah yang dibesarkan di bandar. Perasaan rendah diri ini menyebabkan Masita malu untuk menyanyi di hadapan Munirah walaupun dia sebenarnya boleh menyanyi dengan baik. Selain itu, ia juga menunjukkan keperibadian Masita yang sangat pemalu sehingga tidak yakin dengan bakat yang ada.

4.1.29.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.30 Peristiwa 30

Dan saudaralah insan yang paling pertama dan yang utama memenangi hati saya. Entahlah, saya pun berasa hairan sendiri mengapa saya tidak *malu-malu* menyarankan hakikat itu. Saya percaya saudara telah melalui liku-liku yang serupa jauh lebih lama dahulu, memandangkan kepada kedewasaan saudara.

(m.s.

183)

Salwa telah mengutuskan sepucuk surat kepada Hisyam untuk meluahkan hasrat hatinya. Dalam surat itu, Salwa telah berterus terang mengakui bahawa Hisyam merupakan lelaki pertama yang berjaya menakluki hatinya. Salwa juga

penuh yakin bahawa Hisyam pernah mengalami perasaan yang serupa sepertinya memandangkan Hisyam telah pun berusia. Keyakinan Salwa ini mungkin disebabkan sifat matang yang ditunjukkan oleh Hisyam.

4.1.30.1 Komponen-komponen Komunikasi

Norma Interpretasi

Orang Melayu mempunyai cara yang tersendiri untuk meluahkan perasaan yang tersirat. Mereka tidak gemar berterus terang secara terbuka apatah lagi jika perkara itu menyentuh soal perasaan. Dalam hubungan ini, Salwa nekad menggunakan surat sebagai perantara untuk meluahkan isi hatinya terhadap Hisyam. Tindakan Salwa ini dianggap cukup berani kerana dia bolehlah diibaratkan seperti, "*perigi mencari timba*". Dengan kata lain, dia sanggup mengetepikan kedudukannya sebagai wanita demi Hisyam. Walau bagaimanapun, Salwa didapati masih berpegang kepada norma dan budaya masyarakat Melayu yang cuba mengelak daripada meluahkan hasrat hatinya secara terbuka. Hal ini melambangkan kelembutan Salwa sebagai gadis Timur yang masih berpegang kepada adat dan budaya.

4.1.30.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Dalam suratnya, Salwa menyatakan bahawa dia tidak merasa malu untuk mencurahkan isi hatinya terhadap Hisyam. Namun, secara tersiratnya Salwa masih memiliki rasa malu yang tinggi. Hal ini dapat dilihat apabila dia membuat

keputusan untuk menzahirkan perasaannya melalui surat dan bukannya meluahkan secara terbuka. Ini disebabkan Salwa mempunyai perasaan rendah diri kerana dia hanyalah seorang gadis kampung berbanding Hisyam yang berkelulusan tinggi dan hidup di kota. Pada masa yang sama, Salwa tidak mahu berkongsi perasaan dengan orang lain kerana ingin menjaga norma-norma budaya yang tidak menggalakkan anak gadis bergaul bebas dengan orang yang bukan anggota keluarganya.

4.1.30.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.31 Peristiwa 31

Rutin bagi dua tiga hari permulaan tidaklah berubah. Setiap durian yang gugur, akan dikopak dan dimakan, makan semahunya. Aku yang hantu durian tidak melepaskan peluang. Hamilah dan Masita kadangkala tersenyum memandang kelahapanku itu. Aku tidak *segan-segan*. Amaran Rahmat agar aku memperlahankan makanku, tidak aku indahkan.

(*m.s.*

192)

Peristiwa 31 memaparkan telatah lucu Munirah yang begitu asyik menikmati buah durian sehingga tidak mempedulikan orang disekelilingnya. Ini mungkin disebabkan Munirah merasakan buah durian itu lebih segar dan enak apatah lagi dia memang menggemari buah durian. Oleh itu, Munirah mengambil peluang yang ada untuk menikmati buah durian itu dengan sepuas-puasnya tanpa mengendahkan amaran suaminya.

4.1.31.1 Komponen-komponen Komunikasi

Norma Interpretasi

Orang Melayu sering diingatkan supaya menjaga tingkah laku dalam semua aspek kehidupan. Ini termasuklah menjaga adab dan sopan ketika menjamu selera. Dalam konteks kajian, Munirah didapati tidak menjaga tatacara ketika menikmati buah durian. Dia dikatakan makan dengan lahapnya sehingga tidak mempedulikan orang disekelilingnya. Dalam hubungan ini, kelakuan Munirah itu boleh diinterpretasikan sebagai kurang sopan memandangkan dia seorang gadis yang seharusnya menjaga perilaku.

4.1.31.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Peristiwa 31 mengandungi mesej tersirat yang dapat diperhatikan melalui gerak laku Hamilah dan Masita. Walaupun kedua-duanya dikatakan tersenyum apabila melihatkan kelahapan Munirah menikmati buah durian namun pada masa yang sama mereka juga merasa malu. Sebagai gadis kampung, Hamilah dan Masita

telah dididik supaya sentiasa menjaga tingkah laku dan mengekalkan konsep ‘tahu malu’. Hal ini bertentangan dengan sikap yang ditunjukkan oleh Munirah ketika menjamu selera dengan buah durian.

4.1.31.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.32 Peristiwa 32

“Berapa modal nak beli motor, cikgu?” tanya Latif.
“Hey dah nak beli motor?” giatku.
“Tak, tadi abang Husin yang menceritakan hajatnya nak membeli motor tu.”
“Ah angan-angan cikgu. Manalah saya ni ada duit benar,” Husin menafikan.
“Hai tentulah hasil durian banyak,” giatku.
“**Malu-malu** pula dia ni,” sindir Latif.

(*m.s.*

208)

Latif memberitahu Hisyam bahawa Husin berhajat hendak membeli sebuah motosikal untuk kegunaannya. Oleh itu, dia ingin mengetahui jumlah modal yang perlu dikeluarkan bagi membeli motosikal tersebut. Walau bagaimanapun, Husin menafikan hal itu sebaliknya menyatakan bahawa dia hanya

berangan-angan untuk membeli motosikal. Ini kerana dia masih belum mempunyai duit yang cukup. Sebenarnya, Husin malu untuk menyatakan kepada Hisyam yang dia ingin memiliki motosikal sendiri.

4.1.32.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Ia bersifat perbualan di mana Latif menyuarakan kepada Hisyam mengenai hasrat Husin untuk membeli sebuah motosikal.

Latar

Peristiwa komunikasi berlaku di kedai Seman, iaitu selepas waktu Zohor seperti mana yang dinyatakan dalam novel SAGA di muka surat 208.

Norma Interpretasi

Sikap merendah diri yang ditunjukkan oleh Husin ini sememangnya telah sebatu dalam jiwa orang Melayu. Mereka begitu berhati-hati dalam tutur kata kerana bimbang dilabelkan sebagai ‘bercakap besar’. Pada masa yang sama, mereka cuba menafikan perkara yang sebenar kerana perasaan malu yang menebal.

4.1.32.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Husin merasa malu terhadap Hisyam apabila Latif menceritakan mengenai hasratnya yang hendak memiliki motosikal. Oleh itu, dia cuba menafikannya dengan menyatakan bahawa dia sekadar berangan-angan kerana tidak mempunyai

duit yang cukup. Hakikatnya, Husin merasakan dirinya serba kekurangan dan tidak layak untuk memiliki motosikal sendiri. Perasaan malu Husin semakin ketara apabila dia digiat oleh Hisyam yang sering dipandang tinggi oleh masyarakat kampung.

4.1.32.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.33 Peristiwa 33

“Cikgu jangan susah hati. Ada orang yang sakit hati dengan cikgu kerana mungkin cikgu tak balas harapan orang, tentu orang tidak *silu-silu* membuat fitnah,” Seman seolah-olah memujukku.

(*m.s.*

250)

Seman memberitahu Hisyam bahawa ada orang telah menyampaikan cerita yang tidak benar mengenai dirinya. Seman yakin, orang tersebut merasa sakit hati dengan Hisyam sehingga tidak malu melemparkan fitnah terhadap dirinya. Ini termasuklah mendakwa Hisyam cuba mengambil Masita untuk dijadikan isterinya dan sanggup menebus bayaran hantaran sebanyak dua kali

ganda seperti dinyatakan dalam novel SAGA di muka surat 249. Walau bagaimanapun, Seman cuba memujuk dan menenangkan Hisyam.

4.1.33.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Ia bersifat perbualan. Seman memberitahu Hisyam mengenai cerita panas yang sedang diperkatakan oleh orang kampung mengenai dirinya. Kononnya, Hisyam mempunyai hubungan sulit dengan Masita.

Latar

Perbualan di antara Seman dan Hisyam berlaku di kedai Seman.

4.1.33.2 Subkonsep Malu

Diberi Malu

Hisyam telah diberi malu oleh orang yang dengki dan sakit hati terhadap dirinya. Orang tersebut telah melemparkan fitnah bahawa Hisyam mempunyai niat yang tidak baik terhadap Masita. Fitnah itu bertujuan untuk menjatuhkan maruah Hisyam supaya dia tidak lagi dihormati oleh masyarakat kampung.

Mendapat Malu

Akibat fitnah yang dilemparkan, Hisyam mendapat malu. Walaupun, cerita tersebut tidak benar namun Hisyam tetap bimbang jika masyarakat kampung mempercayainya. Oleh itu, Hisyam bertanya kepada Seman jika dia mengetahui orang yang telah menyebarkan fitnah terhadap dirinya. Hal ini

dinyatakan dalam novel di muka surat 250, “*Man, kau tahu siapa yang membawa cerita karut itu?*” tanyaku geram.

4.1.33.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.34 Peristiwa 34

Tentulah kedatangan bapa saudara Azlan itu untuk menentukan putus tunang Azlan-Masita dan menuntut ganti hantaran sebagai keengkaran yang mungkin timbul dari segala *gossip* yang telah timbul. Oh, betapa *malunya* aku nanti. Betapa *malunya* keluarga Rahmat nanti. Aku tidak menyesal di atas segala perhubunganku dengan Masita, tetapi penyelesaian mungkin timbul akibat yang diterima oleh keluarga yang begitu teguh yang belum diganggu sebarang skandal.

(*m.s.*

251)

Peristiwa 34 merupakan kesinambungan daripada peristiwa 33. Hisyam tertanya-tanya tujuan kedatangan bapa saudara Azlan ke rumah Masita. Walau bagaimanapun, hatinya kuat menyatakan bahawa kedatangan rombongan tersebut bertujuan untuk memutuskan pertunangan di antara Azlan dan Masita. Ini mungkin disebabkan cerita-cerita hangat yang sedang diperkatakan mengenai

dirinya dan Masita. Jika andaiannya benar, dia dan keluarga Rahmat pasti akan mendapat malu. Memikirkan hal ini, Hisyam merasa kasihan dengan nasib yang menimpa keluarga Rahmat.

4.1.34.1 Komponen-komponen Komunikasi

Norma Interpretasi

Lazimnya, ikatan pertunangan orang Melayu dimeterai melalui upacara yang penuh dengan adat dan resam. Ia merupakan tanda hormat antara kedua-dua belah pihak yang ingin mengeratkan silaturrahim melalui perkahwinan. Kepatuhan terhadap adat dan resam ini turut terpakai jika ikatan pertunangan tersebut hendak diputuskan. Dengan kata lain, ikatan pertunangan itu mestilah diputuskan secara baik dan beradat serta tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan semasa bertunang. Dalam masyarakat Melayu, peristiwa ‘putus tunang’ sukar diterima kerana ia boleh memalukan keluarga kedua-dua belah pihak. Dalam hal ini, apa yang dibimbangkan ialah timbulnya fitnah dan pelbagai cerita yang tidak baik sehingga boleh menjatuhkan maruah.

4.1.34.2 Subkonsep Malu

Mendapat Malu

Hisyam bimbang jika pertunangan antara Azlan dan Masita terputus gara-gara fitnah yang tersebar. Dia tentunya akan mendapat malu yang lebih besar lagi memandangkan dia merupakan orang luar yang seharusnya menjaga nama baik. Keluarga Rahmat juga akan mendapat malu apabila Masita dipersalahkan kerana menjalin hubungan dengan orang lain walaupun telah bertunang. Hakikatnya,

Hisyam tidak pernah menyesal mengenali Masita namun dia bersimpati dengan nasib keluarga Masita yang terpaksa menghadapi tohmahan tersebut.

4.1.34.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.35 Peristiwa 35

“Munirah boleh mengajar. Dia sedia mengajar.” “*Segan*lah cikgu.” “*Segankan* apa?” Seman tidak bertanya lagi. Aku melayan mataku, membuainya tidur.

258)

(*m.s.*

Seman menyatakan kepada Hisyam mengenai hasratnya untuk belajar bermain gitar. Hisyam menyarankan agar Seman belajar bermain gitar dengan Munirah kerana Munirah pasti sedia untuk mengajarnya. Walau bagaimanapun, Seman menolak cadangan tersebut dengan alasan dia merasa malu terhadap Munirah.

4.1.35.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Ia berbentuk perbualan. Seman berbual dengan Hisyam sambil menyatakan hasratnya untuk belajar bermain gitar.

Latar

Perbualan di antara Hisyam dan Seman berlaku di luar kedai Seman.

4.1.35.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Seman sedar kedudukannya sebagai pemuda kampung yang kurang pendidikan dan serba kekurangan. Namun, keinginan yang kuat untuk belajar bermain gitar telah menyebabkan dia menyatakan hasratnya itu kepada Hisyam. Hisyam mencadangkan agar Seman mendapatkan tunjuk ajar daripada Munirah tetapi ditolak oleh Seman. Alasannya, dia merasa malu dan segan terhadap Munirah. Ini mungkin disebabkan Seman merasa tidak selesa dan rendah diri. Sebagai lelaki pula, Seman tentunya mahu menjaga kedudukannya apatah lagi di hadapan wanita seperti Munirah.

4.1.35.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.1.36 Peristiwa 36

“Sekarang, kamu pergik semuak. Tangkap menghekak. Jangan biarkan lari. Kalau lari, bunuh,” perintah Batin Uda. Kata-katanya menimbulkan kecurigaan di hatiku. Aku sungguh kaget tentang perubahan yang berlaku terhadap sikap dan sifatnya. Kalau empat hari dulu dia begitu bengis denganku, aku hairan mengapa dia mesti menolong aku pula.

“ Tuan jangan syusyah, Syaya syudak tidak percaya pada Ghauf. Anak syaya yang perempuan sudah dibuatnya. *Maluk* saya, sungguh *maluk*.”

(*m.s.*

327)

Dalam peristiwa 36, Batin Uda telah mengarahkan anak buahnya supaya menangkap Rauf dan pengikut-pengikutnya. Arahan Batin Uda itu sangat tegas sehinggakan dia tidak teragak-agak menyuruh anak buahnya supaya membunuh mereka jika cuba melarikan diri. Rahmat merasa curiga terhadap perubahan tingkah laku yang ditunjukkan oleh Batin Uda. Ini kerana Batin Uda pernah bersikap kasar dan bengis terhadapnya. Hal ini menyebabkan Rahmat tidak percaya bahawa Batin Uda hendak menolongnya ketika dia di dalam kesusahan. Batin Uda menyedari bahawa Rahmat tidak mempercayainya. Oleh itu, Batin Uda menjelaskan kepada Rahmat bahawa dia telah hilang kepercayaan terhadap Rauf setelah Rauf merosakkan maruah anak gadisnya. Akibat perbuatan Rauf itu, dia dan keluarganya mendapat malu. Justeru, Batin Uda membuat keputusan untuk menolong Rahmat membebaskan diri daripada cengkaman Rauf dan pengikut-

pengikutnya. Penjelasan Batin Uda ini menunjukkan bahawa dia benar-benar marah dengan perbuatan Rauf.

4.1.36.1 Komponen-komponen Komunikasi

Genre

Genre dalam peristiwa 36 berbentuk cerita. Batin Uda telah menceritakan kepada Rahmat mengenai perbuatan aib Rauf terhadap anak gadisnya.

Latar

Peristiwa berlaku di dalam hutan. Rahmat telah ditangkap dan dikurung di sebuah pondok kecil di dalam hutan oleh Rauf dan para pengikutnya. Walau bagaimanapun, Batin Uda telah menyelamatkan Rahmat.

4.1.36.2 Subkonsep Malu

Diberi Malu

Batin Uda telah diberi malu oleh Rauf yang tergamak menodai anaknya. Perbuatan Rauf itu merupakan satu pengkhianatan sekali gus mencemarkan nama baik Batin Uda.

Mendapat Malu

Batin Uda dan keluarganya telah mendapat malu akibat perbuatan Rauf. Oleh itu, beliau telah mengarahkan anak buahnya untuk menangkap Rauf dan menembaknya jika Rauf ingin melarikan diri. Kedudukan Batin Uda sebagai Tok

Batin di kawasannya menyebabkan dia disegani dan dihormati oleh anak buahnya. Oleh itu, setiap arahan yang diberikan akan dipatuhi. Akibat peristiwa itu juga, Batin Uda telah hilang kepercayaan terhadap Rauf. Beliau kemudiannya telah memberikan sokongan dan bantuan kepada Rahmat.

4.1.36.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Baik Pulih Air Muka

Batin Uda telah memberikan bantuan kepada Rahmat apabila dia menyedari kesilapannya yang terlalu mempercayai Rauf. Akibat kealpaannya itu, nama baik keluarganya telah tercemar dan Batin Uda mendapat malu setelah Rauf menodai anak gadisnya. Air mukanya juga terjejas teruk. Sehubungan itu, Batin Uda merasakan dia perlu membaik pulih semula air mukanya yang telah terjejas akibat perbuatan Rauf itu. Justeru, Batin Uda mengarahkan Rauf ditangkap dan jika perlu ditembak. Hal ini menunjukkan bahawa Batin Uda sanggup bertindak keras dan kasar terhadap orang yang telah mengkhianati dirinya.

Gaya Pengurusan Konflik

Dominasi

Emosi marah yang menguasai diri Batin Uda telah menyebabkan beliau mengambil tindakan yang tegas terhadap Rauf. Akibatnya, dia telah mengarahkan anak buahnya supaya menangkap Rauf dan menembaknya jika beliau cuba melarikan diri. Ketegasannya ini ada kaitan dengan maruah dan harga dirinya

yang telah diaibkan oleh Rauf. Oleh itu, Batin Uda tidak berganjak daripada keputusannya untuk menentang Rauf.

4.1.37 Peristiwa 37

“O..., masakan hati Sal dapat senang walau sehari pun jika tidak bertemu dengan Syam.,” katanya mesra. “Maksud Sal, jika kita sudah berkahwin, atau bertunangan sekurang-kurangnya, tentulah kita bebas berjalan tanpa gangguan atau teguran. Ini... kalaulah diketahui orang alangkah *aibnya*.”

(*m.s.*

354)

Hisyam dan Salwa berjalan beriringan setelah selesai bersama menumbuk emping di rumah Timah. Manakala, adiknya Ismail berjalan di hadapan mereka. Dalam perjalanan itu, Salwa meluahkan perasaannya kepada Hisyam. Menurut Salwa, hatinya sentiasa tidak tenang jika tidak dapat bertemu dengan Hisyam walaupun sehari. Pada masa yang sama, Salwa bimbang jika kelakuan mereka diketahui oleh orang lain. Dia tentu akan merasa malu. Namun, jika mereka sudah berkahwin atau telah bertunang pandangan masyarakat pasti akan berubah. Sekurang-kurangnya, mereka boleh berjalan dengan bebas tanpa gangguan atau ditegur oleh orang kampung.

4.1.37.1 Komponen-komponen Komunikasi

Norma Interpretasi

Budaya Melayu menitik beratkan tatasusila dalam pergaulan terutamanya yang melibatkan lelaki dan wanita. Dalam hal ini, lelaki dan wanita dilarang berduaduaan kerana bimbang akan menimbulkan fitnah atau perkara yang mengaibkan. Oleh itu, setiap pertemuan mesti dilakukan di tempat yang terbuka dan boleh dilihat ramai orang. Selain itu, orang Melayu juga mementingkan ikatan dalam perhubungan. Misalnya, ikatan pertunangan membawa maksud sekurang-kurangnya sudah ada perjanjian dan persetujuan di antara kedua-dua belah pihak untuk melangsungkan pernikahan. Namun, itu tidaklah bermakna pasangan yang telah bertunang itu bebas melakukan apa sahaja. Hubungan mereka masih terikat dengan batas-batas yang ditetapkan oleh agama dan peraturan masyarakat sehinggalah mereka disahkan menjadi suami isteri.

4.1.37.2 Subkonsep Malu

Rasa Malu

Hubungan Salwa dan Hisyam semakin mesra dari sehari ke sehari. Kemesraan ini menyebabkan Salwa tidak kekok untuk meluahkan perasaannya terhadap Hisyam. Namun, Salwa tetap berhati-hati mengatur langkah supaya hubungannya dengan Hisyam tidak menjadi ‘buah mulut’ orang kampung. Sebagai wanita, dia juga akan merasa malu jika timbul pelbagai cerita negatif mengenai dirinya. Oleh itu, dia perlu membataskan dirinya ketika bersama Hisyam.

4.1.37.3 Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik

Gaya Pengurusan Air Muka

Gaya pengurusan air muka tidak dapat diperhatikan.

Gaya Pengurusan Konflik

Gaya pengurusan konflik tidak dapat diperhatikan.

4.2 Analisis Novel SAGA

Hasil penelitian terhadap novel SAGA, terdapat 37 peristiwa yang telah dikenal pasti mengandungi konsep malu. Konsep malu itu merangkumi persoalan mengenai sistem nilai, adat, budaya, bahasa, agama, maruah, sensitiviti, kekeluargaan dan masyarakat. Peristiwa-peristiwa tersebut tercetus, sama ada melalui komunikasi verbal mahupun tidak verbal. Perhatian tertumpu pada leksikon kata-kata, nada suara, mimik muka dan pergerakan bahasa badan semasa seseorang itu berinteraksi. Kajian ini juga memberikan penekanan terhadap konsep air muka yang dipercayai dapat memberikan gambaran imej dalaman mengenai diri seseorang itu. Kebiasaannya, individu yang mengalami emosi malu akan menunjukkan tindak balas secara spontan. Reaksi itu selalunya boleh dilihat melalui perubahan air muka sama ada ia bersifat negatif mahupun positif. Dalam novel SAGA, emosi malu telah dibahagikan kepada empat subkonsep, iaitu ‘rasa malu’, ‘diberi malu’, ‘mendapat malu’ dan ‘memalukan’. Selain itu, gaya pengurusan air muka turut diberikan perhatian. Dalam konteks kajian, terdapat empat gaya pengurusan air muka, iaitu ‘baik pulih air muka’, ‘jaga air muka’,

‘tuntutan air muka’ dan ‘beri muka’. Gaya pengurusan air muka yang dipilih akan dikaitkan pula dengan lima gaya pengurusan konflik, iaitu ‘mengelak’, ‘obligasi’, ‘kompromi’, ‘dominasi’ dan ‘integrasi’. Hubungan antara peristiwa malu dengan kategori malu, gaya pengurusan air muka dan gaya pengurusan konflik akan ditunjukkan dalam Jadual 4, 5 dan 6 di muka surat 284, 285 dan 286. Seterusnya, dipermudahkan dalam Carta Palang 1, 2 dan 3 di muka surat 287, 292 dan 296.

Jadual 4 : Subkonsep Malu dalam Peristiwa Malu

Peristiwa Malu	Subkonsep Malu			
	Rasa Malu	DiBeri Malu	Mendapat Malu	Memalukan
1	/			
2	/			
3	/			
4	/			
5	/			
6	/			
7	/			
8	/			
9	/			
10				/
11		/	/	/
12				/
13	/			
14	/			
15	/			
16	/			
17	/			
18	/			
19	/			
20				/
21	/			
22	/			
23	/	/	/	/
24	/			
25				/
26				/
27		/	/	

28				/
29	/			
30	/			
31	/			
32	/			
33		/	/	
34			/	
35	/			
36		/	/	
37	/			
Jumlah	26	5	6	8
Peratusan	70.27%	13.51%	16.22%	21.62%

Jadual 5 : Gaya Pengurusan Air Muka dalam Peristiwa Malu

Peristiwa Malu	Baik Pulih Air Muka	Jaga Air Muka	Tuntutan Air Muka	Beri Muka
1			/	
2				
3			/	
4			/	
5		/		
6			/	
7			/	
8				
9		/		
10			/	
11	/			
12			/	
13			/	
14			/	
15			/	
16			/	
17				
18			/	
19				
20				
21				/
22				
23				
24			/	
25				
26			/	

27			/	
28			/	
29				
30				
31				
32				
33				
34				
35				
36	/			
37				
Jumlah	2	2	16	1
Peratusan	5.41%	5.41%	43.24%	2.70%


Jadual 6 : Gaya Pengurusan Konflik dalam Peristiwa Malu

Peristiwa Malu	Mengelak	Obligasi	Kompromi	Dominasi	Integrasi
1	/				
2					
3		/	/		
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10					
11				/	/
12				/	
13					
14					
15					
16					
17					
18	/	/	/		
19					
20					
21			/		
22					
23					
24				/	
25					
26					/
27					
28					

29					
30					
31					
32					
33					
34					
35					
36				/	
37					
Jumlah	2	2	3	4	2
Peratusan	5.41%	5.41%	8.11%	10.81%	5.41%

4.2.1 Analisis Subkonsep Malu dalam Peristiwa Malu

Carta Palang 1: Subkonsep Malu dalam Peristiwa Malu



Berdasarkan Jadual 4 di muka surat 284 dan Carta Palang 1 di atas, subkonsep 'rasa malu' didapati mempunyai kekerapan yang paling tinggi berbanding subkonsep yang lain. Analisis menunjukkan terdapat 26 (70.27%)

peristiwa malu dalam subkonsep tersebut daripada 37 peristiwa malu yang telah dianalisis. Seterusnya, diikuti oleh subkonsep 'memalukan' sebanyak 8 (21.62%) peristiwa, 'mendapat malu' sebanyak 6 (16.22%) peristiwa dan 'diberi malu' sebanyak 5 (13.51%) peristiwa. Analisis juga menunjukkan ada di antara peristiwa malu yang melibatkan lebih daripada 1 subkonsep malu. Misalnya, peristiwa 27, 33 dan 36 melibatkan dua subkonsep malu iaitu 'diberi malu' dan 'memalukan'. Peristiwa 11 pula melibatkan 3 subkonsep malu, iaitu 'diberi malu', 'mendapat malu' dan 'memalukan'. Manakala, peristiwa 23 melibatkan semua subkonsep malu, iaitu 'rasa malu', 'diberi malu', 'mendapat malu' dan 'memalukan'.

Kajian juga menunjukkan bahawa subkonsep 'rasa malu' lebih menonjol kerana didorong oleh beberapa faktor. Dalam kebanyakan peristiwa, perasaan malu tercetus apabila seseorang itu merasa rendah diri yang keterlaluan sehinggakan bimbang untuk menonjolkan bakat mahupun potensi yang ada. Hal ini terjadi kerana mereka merasakan diri serba kekurangan jika dibandingkan dengan orang lain. Misalnya, dalam peristiwa 1, 5 dan 29. Dalam peristiwa 1, Seman merasa malu untuk menegur Rahmat kerana bimbang tidak mendapat reaksi positif. Ini kerana, Seman merasakan dirinya tidak setaraf dengan Rahmat yang mendapat pendidikan di bandar berbanding dirinya yang hanya membuat kerja-kerja kampung. Manakala, peristiwa 5 dan 29 pula memaparkan sikap Masita yang merasa malu apabila nyanyiannya mendapat pujian kerana dia tidak yakin dengan bakat yang ada. Oleh itu, mereka yang mengalami 'rasa malu' ini

berusaha untuk menghindarkan diri atau menafikan keistimewaan yang dimiliki kerana dibatasi oleh perasaan malu yang menebal.

Selain itu, 'rasa malu' juga timbul dalam diri seseorang itu apabila dia merasakan dirinya terasing dan dipinggirkan. Hal ini berkait rapat dengan faktor keturunan, adat dan budaya. Dalam peristiwa 3, Munirah dikatakan merasa malu terhadap ayah mentuanya ketika diperkenalkan buat pertama kalinya oleh Rahmat. Perasaan malu ini sebenarnya didorong oleh rasa bimbang jika kehadirannya dalam keluarga tersebut tidak diterima dengan baik. Ini kerana Munirah sedar dia bukanlah menantu pilihan apatah lagi berketurunan Barat. Peristiwa 4 juga menunjukkan bahawa perbezaan keturunan, adat dan budaya boleh menyebabkan seseorang itu merasa malu. Dalam hubungan ini, reaksi dingin yang ditunjukkan oleh masyarakat kampung menunjukkan bahawa mereka sukar menerima kehadiran Munirah menjadi sebahagian anggota komuniti. Malah, mereka melayani Munirah seperti orang luar sehinggakan Munirah merasakan dirinya terpinggir daripada kehidupan orang Melayu. Selain itu, didikan dan asuhan yang diterima sejak kecil juga memainkan peranan penting dalam menentukan emosi malu. Ini kerana, orang Melayu dikatakan sangat berhati-hati dalam pertuturan dan perbuatan sehingga menyebabkan mereka tidak bebas bertingkah laku. Peristiwa 13, 15 dan 16 dapat menjelaskan hal ini. Dalam peristiwa 16 misalnya, kaum wanita merasa malu apabila Munirah bercakap mengenai kaedah perancangan keluarga. Hal ini membuktikan bahawa kaum wanita tidak gemar bercakap secara terbuka mengenai perkara-perkara yang

bersifat peribadi apatah lagi di hadapan kaum lelaki. Ini kerana mereka masih terikat dengan tatasusila sebagai wanita kampung yang ‘tahu malu’.

Dalam novel SAGA, subkonsep ‘diberi malu’ terkandung dalam peristiwa 11, 23, 27, 33 dan 36. Berdasarkan kelima-lima peristiwa tersebut, pihak yang memberi malu itu mempunyai niat yang tidak baik terhadap individu tertentu. Mereka cuba menjatuhkan individu tersebut dengan melemparkan fitnah dan kata-kata hina dengan harapan masyarakat akan mempercayainya. Individu yang diberi malu pula terpaksa menanggung malu dan sengsara. Walau bagaimanapun, ada juga yang cuba mempertahankan diri bagi menegakkan kebenaran. Misalnya, dalam peristiwa 11 Munirah didapati cuba menjelaskan kepada keluarga mentuanya mengenai dirinya yang menjadi mangsa fitnah Jalil. Walaupun dia ditentang oleh ramai pihak namun keberaniannya bersuara telah mendapat tindak balas yang positif daripada ayah mentuanya. Namun, situasi ini agak berbeza jika dibandingkan dengan peristiwa 23. Pihak yang diberi malu, iaitu Lijah dan keluarganya didapati banyak mendiamkan diri walaupun pelbagai cacian dilemparkan oleh masyarakat kampung. Ini mungkin disebabkan, Lijah turut bersalah kerana tidak pandai menjaga tingkah lakunya sehinggakan orang lain mengambil kesempatan. Selain itu, analisis juga menunjukkan bahawa peristiwa ‘diberi malu’ ini dilakukan oleh individu yang sama. Daripada lima peristiwa yang telah dikenal pasti, tiga daripadanya dilakukan oleh Jalil. Dalam hal ini, Jalil didapati mempunyai niat buruk terhadap mangsanya, iaitu Munirah, Lijah dan Hisyam. Oleh itu, beliau telah melemparkan fitnah semata-mata untuk membalas dendam sekaligus mencapai matlamatnya. Perbuatan Jalil ini sememangnya

sangat hina dan mengaibkan. Dia telah hilang perasaan malu dan takut kepada Allah serta azab api neraka.


Subkonsep ‘mendapat malu’ pula berjumlah 6 kali, iaitu dalam peristiwa 11, 23, 27, 33, 34 dan 36. Dalam peristiwa 11 dan 23, kaum lelaki telah menyebabkan kaum wanita ‘mendapat malu’. Kedua-dua peristiwa tersebut memaparkan bagaimana Jalil telah melemparkan cerita yang tidak benar terhadap Munirah dan Lijah. Manakala peristiwa 27, 33, 34 dan 36 menunjukkan kaum lelaki menganiayai kaumnya sendiri. Misalnya, dalam peristiwa 36 Rauf telah memperkosa anak kepada Batin Uda. Akibat perbuatan Rauf ini Batin Uda dan keluarganya telah ‘mendapat malu’. Begitu juga dalam peristiwa 33 dan 34, Hisyam telah difitnah kononnya mempunyai hubungan sulit dengan Masita. Hisyam percaya orang yang melemparkan fitnah kepadanya itu adalah musuhnya sendiri yang berdendam dengan beliau, iaitu Jalil.

Seterusnya, subkonsep ‘memalukan’ berjumlah 8 kali, iaitu dalam peristiwa 10, 11, 12, 20, 23, 25, 26 dan 28. Berdasarkan analisis, peristiwa ‘memalukan’ ini didapati berkait rapat dengan air muka, maruah dan harga diri yang terjejas teruk akibat perbuatan orang lain, seperti yang dipaparkan dalam peristiwa 23, 25, dan 26. Dalam hal ini, keluarga Jalil dan Lijah telah menerima tamparan yang hebat akibat daripada perbuatan anak-anak mereka yang sangat ‘memalukan’, iaitu melakukan zina. Dalam peristiwa 28 pula, perlawanan fizikal atau beradu kekuatan mempunyai kuasanya tersendiri dalam mempertahankan air muka dan maruah diri seseorang itu. Misalnya, perlawanan yang berlaku antara

Hisyam dengan Rauf dan Jalil telah menyebabkan Pak Ngah Baki berada dalam keadaan cemas. Dia bimbang jika Rauf dan Jalil tewas ditangan Hisyam kerana kekalahan itu nanti boleh menjejaskan kewibawaannya sebagai guru silat yang disegani oleh masyarakat kampung. Seterusnya, air mukanya juga akan terjejas dan memalukan diri sendiri. Ini menunjukkan orang Melayu sangat mementingkan air muka dan nama baik. Rasa hormat pula merupakan satu tuntutan untuk mendapatkan penghargaan dan pengiktirafan daripada orang lain.

4.2.2 Analisis Gaya Pengurusan Air Muka dalam Peristiwa Malu

Carta Palang 2: Gaya Pengurusan Air Muka dalam Peristiwa Malu



Lazimnya, individu yang mengalami peristiwa malu akan menunjukkan pelbagai reaksi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Reaksi ini ditunjukkan melalui perbuatan, tindakan, tutur kata, bahasa badan, perubahan air muka dan sebagainya. Dalam konteks kajian, air muka seseorang itu akan terjejas sama ada sedikit atau banyak bergantung kepada peristiwa malu yang dialaminya. Air muka yang ditonjolkan adalah berasaskan kepada pandangan individu tersebut mengenai kebimbangan air muka (*face concern*) dan keperluan air muka (*face need*). Dalam erti kata lain, air muka siapakah yang ingin dilindungi semasa proses interaksi itu berlaku. Adakah kita ingin melindungi air muka sendiri atau air muka orang lain. Jika individu itu memilih untuk mengutamakan keperluan sendiri bermakna dia memerlukan autonomi yang dikaitkan dengan ‘air muka negatif’. Tetapi, jika dia mementingkan kumpulan atau komuniti maka ia disebut sebagai ‘air muka positif’. Terdapat 4 jenis gaya pengurusan air muka yang telah dikenal pasti iaitu ‘baik pulih air muka’, ‘jaga air muka’, ‘tuntutan air muka’ dan ‘beri muka’.

Jadual 5 (muka surat 285) dan Carta Palang 2 (muka surat 292) menunjukkan empat jenis gaya pengurusan air muka dan hubungannya dengan 37 peristiwa malu yang terdapat dalam novel SAGA. Hasil analisis menunjukkan terdapat 21 peristiwa malu yang mempunyai gaya pengurusan air muka, iaitu peristiwa 1, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10,11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21, 24, 26, 27, 28 dan 36. Manakala 16 peristiwa malu yang lain tidak melibatkan gaya pengurusan air muka. Jenis pengurusan air muka yang mendominasi kajian ialah ‘tuntutan air muka’, iaitu sebanyak 16 peristiwa malu (43.24%). Manakala, gaya pengurusan

air muka 'baik pulih air muka' dan 'jaga air muka' masing-masing mempunyai 2 peristiwa (5.41%). Gaya 'beri muka' merupakan gaya pengurusan air muka yang paling sedikit dipilih, iaitu hanya terdapat dalam peristiwa 21 (2.7%). Analisis juga menunjukkan, tidak ada peristiwa malu yang melibatkan lebih daripada 1 gaya pengurusan air muka. Walau bagaimanapun, gaya pengurusan air muka yang dipilih itu tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Sebaliknya, ia bergantung kepada niat dan tujuan seseorang itu, sama ada ingin melindungi air mukanya sendiri atau lebih mengutamakan orang lain. Dalam hubungan ini, gaya pengurusan air muka yang dipilih itu juga mempunyai kaitan dengan konflik yang dihadapi setelah mengalami peristiwa malu.

Gaya 'tuntutan air muka' didapati lebih banyak digunakan dalam peristiwa malu disebabkan beberapa faktor. Faktor utamanya ialah untuk melindungi dan mempertahankan air muka sendiri daripada terjejas. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa peristiwa malu seperti yang dipaparkan dalam peristiwa 1, 3, 4 dan 6. Misalnya, peristiwa 1 menunjukkan bagaimana Seman yang merasa malu terhadap Rahmat berusaha untuk melindungi rasa malunya itu dengan bersikap mendiamkan diri. Dia tidak mahu menegur Rahmat kerana bimbang Rahmat mungkin tidak lagi mengenalinya atau sudah tidak semesra dulu. Oleh itu, Seman tidak mahu berhadapan dengan risiko yang boleh menjejaskan air mukanya jika tidak mendapat reaksi positif daripada Rahmat. Peristiwa 6 pula memperlihatkan bagaimana Hisyam merasa malu terhadap sikapnya sendiri yang asyik memandang Salwa sehinggalah dikejutkan dengan teguran Rahmat. Berikutan itu,

Hisyam berusaha melindungi air mukanya dengan memberikan reaksi positif dalam perbuatannya bersama Rahmat dan Pak Ngah Baki.

Selain itu, faktor maruah dan harga diri juga telah menyebabkan orang Melayu sangat menjaga air muka. Dalam peristiwa 24 misalnya, Hisyam dikatakan sanggup mempertahankan 'air mukanya' sehingga ke titisan darah yang terakhir namun tidak akan sekali-kali membenarkan orang lain memandang rendah terhadap keturunannya. Begitu juga dalam peristiwa 28 yang memperlihatkan bagaimana Pak Ngah Baki berusaha mempertahankan maruahnya sebagai seorang pendekar. Kedua-dua peristiwa ini menunjukkan bahawa orang Melayu mempunyai semangat dan kekuatan dalaman yang luar biasa terutamanya dalam menjaga nama baik diri dan keluarga.


Seterusnya, gaya 'baik pulih air muka' dan 'jaga air muka' masing-masing melibatkan dua peristiwa atau 5.41%. Dalam peristiwa 11 dan 36, individu yang memilih gaya 'baik pulih air muka' didapati sangat mementingkan maruah dan harga diri. Dengan kata lain, mereka tidak akan berdiam diri apabila diri difitnah atau dikhianati oleh orang lain. Misalnya, Munirah berjuang menegakkan kebenaran demi membersihkan semula namanya yang telah terjejas. Oleh itu, Munirah berusaha menjelaskan hal yang sebenar kepada keluarga mentuanya. Hal ini dapat diperhatikan dalam peristiwa 11. Dalam peristiwa 36 pula, Batin Uda merasa sangat marah kepada Rauf yang telah menodai anak gadisnya. Perbuatan Rauf itu telah menyebabkan Batin Uda dan keluarganya menanggung malu. Oleh itu, Batin Uda telah mengambil tindakan yang keras terhadap Rauf dan para pengikutnya. Reaksi yang ditunjukkan oleh Munirah dan Batin Uda ini

menunjukkan bahawa mereka bukan sahaja ingin menegakkan keadilan tetapi juga ingin memperbaiki air muka yang telah terjejas.

Dalam peristiwa 5 dan 9 pula, gaya ‘jaga air muka’ menjadi pilihan Hamilah, Masita dan Munirah. Secara prinsipnya, ketiga-tiga mereka bukan sahaja mahu menjaga air muka sendiri tetapi juga air muka pihak lain. Oleh itu, mereka tidak mahu turut serta mendengar perbualan atau lebih banyak mendiamkan diri daripada memberikan pendapat. Selain itu, gaya ‘beri muka’ memperlihatkan sikap individu yang telah sedar akan kesilapannya terhadap orang lain. Hal ini dapat diperhatikan dalam peristiwa 21 apabila Pak Ngah Baki akhirnya menyokong cadangan pembinaan jalan raya yang telah dikemukakan oleh Rahmat. Ini sebagai salah satu cara untuk menebus kesilapannya.

4.2.3 Analisis Gaya Pengurusan Konflik dalam Peristiwa Malu

Carta Palang 3: Analisis Gaya Pengurusan Konflik dalam Peristiwa Malu



Jadual 6 dimuka surat 286 dan Carta Palang 3 di atas menunjukkan gaya pengurusan konflik yang berkaitan dengan peristiwa malu. Lima gaya pengurusan konflik yang terlibat dalam kajian ini ialah gaya ‘mengelak’, ‘obligasi’, ‘kompromi’, ‘dominasi’ dan ‘integrasi’. Daripada 37 peristiwa malu yang telah dikenal pasti, hanya 9 peristiwa malu yang mempunyai gaya pengurusan konflik, iaitu dalam peristiwa 1, 3, 11, 12, 18, 21, 24, 26 dan 36. Analisis juga menunjukkan peristiwa 18 mengandungi 3 gaya pengurusan konflik, iaitu ‘mengelak’, ‘obligasi’ dan ‘kompromi’. Peristiwa 3, 11 dan 18 pula mengandungi 2 gaya manakala peristiwa yang lain masing-masing satu gaya. Gaya ‘dominasi’ paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 4 kali dan didapati dalam peristiwa 11, 12, 24 dan 36. Ia diikuti oleh gaya ‘kompromi’ sebanyak 3 kali, iaitu dalam peristiwa 3, 18 dan 21. Gaya ‘mengelak’, ‘obligasi’ dan ‘integrasi’ pula masing-masing melibatkan 2 peristiwa. Peristiwa malu yang mempunyai 2 gaya

pengurusan konflik pula merupakan kombinasi ‘obligasi-kompromi’ (peristiwa 3), ‘dominasi-integrasi’. Manakala, peristiwa 18 melibatkan 3 kombinasi gaya iaitu, ‘mengelak-obligasi-kompromi’.

Gaya ‘dominasi’ didapati paling menonjol dalam kajian kerana sikap tegas dan keras yang ditunjukkan oleh watak. Misalnya, peristiwa 11 dan 12 menunjukkan perbuatan Saarah yang sanggup meninggikan suara terhadap menantu dan suaminya. Ini menggambarkan bahawa Saarah memiliki akhlak yang rendah dan tidak tahu menghormati orang lain. Seharusnya, dia memelihara tutur kata dan tingkah lakunya sesuai dengan peranannya sebagai seorang ibu dan isteri. Selain itu, perasaan marah dan dendam juga boleh menyebabkan seseorang itu berkeras dengan keputusannya. Hal ini dapat diperhatikan melalui watak Batin Uda dalam peristiwa 36 yang sanggup mengarahkan orangnya supaya membunuh Rauf. Individu yang memilih gaya ‘kompromi’ pula menunjukkan sikapnya yang ingin bekerjasama, tidak mahu menimbulkan masalah dan mementingkan komuniti. Hal ini ditunjukkan dalam peristiwa 3, 18 dan 21. Gaya ‘mengelak’ menjadi pilihan individu yang mempunyai perasaan rendah diri dan bimbang terhadap kemampuan orang lain. Misalnya, peristiwa 1 menunjukkan Seman cuba mengelak daripada menyapa Rahmat kerana bimbang sapaannya tidak berbalas. Begitu juga dalam peristiwa 18 di mana Bidan tua cuba mengelak daripada menyatakan perasaan tidak sukanya terhadap Munirah.

BAB 5